



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# KOLOKIUM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

*Kepimpinan Berprestasi Tinggi  
Menerajui Revolusi Industri 4.0*

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN HUSSEIN ONN  
30 Oktober - 1 November 2018

Anjuran

INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Dengan kerjasama

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

# *Kata Alu-aluan*

## KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA



Bismillahirrahmanirrahim

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, Kolokium Amalan Terbaik PGB Immersion 2018 dapat direalisasikan dengan jayanya.

Penganjuran kolokium ini merupakan wacana yang menghubungkan perkongsian pintar dalam kalangan pemimpin pendidikan untuk berkomunikasi dan berkolaboratif dalam amalan terbaik di sekolah. Usaha ini diharapkan akan membantu memantapkan kepimpinan sekolah, memaksimumkan potensi guru dan murid menerusi peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta mengukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak yang berkepentingan demi kejayaan murid selaras dengan visi dan misi KPM.

Revolusi Industri 4.0, adalah suatu penggabungan dunia fizikal, digital dan biologikal yang memberi kesan kepada semua disiplin, ekonomi dan industri. Justeru itu, usaha yang berterusan mestilah dilakukan untuk memastikan sistem pendidikan negara kita dapat melahirkan insan yang sejahtera, teguh dengan nilai, etika dan ciri kerohanian serta mampu mengekalkan identiti sebagai bangsa Malaysia. Pemimpin pendidikan mestilah berkeyakinan tinggi dan berkeupayaan untuk menggerakkan organisasi masing-masing dalam mengukuhkan jati diri dan pemantapan kemahiran insaniah demi mempersiapkan generasi untuk mendepani Revolusi Industri 4.0.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus memastikan kejayaan pelaksanaan Kolokium Amalan Terbaik PGB Immersion 2018. Semoga usaha ini mendapat keberkatan dan dirahmati Allah SWT serta mencapai matlamat penganjuran.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "amin".

**DATUK DR. AMIN BIN SENIN**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

# Kata Alu-aluan

PENGARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI



Salam Sejahtera,

Segala puji dan rasa kesyukuran kepada Yang Maha Esa. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Jawatankuasa Kolokium Amalan Terbaik PGB Immersion 2018, Pusat Konsultasi dan Pembangunan Organisasi Pendidikan (KPOP), Institut Aminuddin Baki Bandar Enstek dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang telah berjaya menganjurkan kolokium kali ini.

Matlamat Anjakan 5, PPPM 2013-2025 ialah menempatkan Pemimpin Berprestasi Tinggi di Setiap Sekolah. Sejak dengan itu PGB telah diberikan latihan melalui program NPQEL dan PRIME/Immersion 2.0 bagi menyediakan pemimpin berilmu yang bersedia fizikal dan mental. Namun pengetahuan, kemahiran mahupun nilai yang dipelajari melalui pengalaman perkhidmatan dan latihan yang diberikan harus terus dibugarkan agar pemimpin pendidikan terus relevan dengan masa dan kompleksiti dunia pendidikan.

Sehubungan itu, kolokium ini merupakan medan perkongsian amalan terbaik dalam kalangan PGB lantikan baharu. Melalui kolokium ini, PGB yang berjaya memimpin perubahan dan memberikan impak yang positif kepada kemenjadian murid dan pencapaian sekolah diberi peluang membentangkan amalan mereka. Perkongsian melalui pembentangan dan penulisan harus terus berkembang dan menjadi budaya dalam kalangan pemimpin sekolah. Ruang dan peluang ini diharapkan dapat membangunkan kapasiti dan kompetensi PGB baharu selaras dengan kehendak Gelombang 2 PPPM yang memfokuskan kepada pembangunan kapasiti berterusan, kesediaan menerima dan melaksanakan autonomi.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Alumni NPQEL negeri Johor dan semua peserta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan kolokium ini. Semoga usaha sebegini dapat diteruskan untuk masa akan datang dalam ruangan dan tempat yang lain bagi membuka ruang perkongsian yang lebih luas kepada lebih ramai pemimpin sekolah.

Salam Hormat.

Sekian terima kasih.

  
**MISTRINE RADIN**  
Timbalan Pengarah (Khidmat Latihan)  
Menanggung Kerja Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia

# *Kata Alu-aluan*

## PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI JOHOR



Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Ucapan terima kasih kepada Institut Aminuddin Baki (IAB) kerana telah memilih Negeri Johor sebagai lokasi Kolokium Amalan Terbaik PGB Immersion kali ke 2 tahun 2018. Program yang diilhamkan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) ini adalah bertujuan memperkasakan kepimpinan PGB melalui perkongsian ilmu. Pada tahun ini Kolokium PGB Immersion “Bertemakan Kepimpinan Berprestasi Tinggi Menerajui Revolusi Industri 4.0”. Kolokium kali ini mengetengahkan 74 orang Pengetua dan Guru Besar (PGB) graduan NPQEL sebagai pembentang Amalan Terbaik yang berjaya sebagai pemimpin instruksional dan agen perubahan di sekolah daripada seluruh negara. Latihan National Profesional Qualification for Headship (NPQH) diperkenalkan di Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 1999 dan kini dikenali sebagai National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL) telah membantu meningkatkan kualiti kepimpinan PGB dan seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Kolokium ini mewujudkan ruang dan peluang perkongsian amalan terbaik dalam kalangan PGB graduan NPQEL. Pengetahuan, kemahiran, nilai dan pengalaman para pembentang dapat menjadi suri teladan kepada PGB yang lain khususnya PGB baharu, seterusnya dapat membuka minda dan mencetus idea pemimpin-pemimpin sekolah dalam merancang dan melakukan perubahan yang memberi impak kepada kemenjadian murid. Kolokium dan penerbitan ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada seluruh warga pendidik ke arah peningkatan profesionalisme dan kompetensi pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Bahan perkongsian amalan terbaik ini diterbitkan dalam bentuk buku dan *ebook* sebagai perkongsian kepada semua pemimpin pendidikan di seluruh negara. Kejayaan melaksanakan kolokium dan penerbitan ini adalah hasil usaha gigih daripada banyak pihak.

Settinggi-tinggi tahniah dan terima kasih untuk semua pembentang dan ahli jawatankuasa atas kejayaan cemerlang penganjuran kolokium ini. Semoga hasrat murni perkongsian amalan terbaik ini memberi impak kepada matlamat Anjakan 5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025:

*Menempatkan Pemimpin Berprestasi Tinggi di Setiap Sekolah*

Akhir kata, terima kasih kepada semua jawatankuasa kolokium Amalan Terbaik PGB Immersion tahun 2018. Semoga program ini akan dapat diteruskan bagi memacu kepimpinan pendidikan negara ke arah lebih cemerlang.

Terima Kasih

A handwritten signature in black ink, appearing to read "HAJI SHAHARUDIN BIN SHARIF".

HAJI SHAHARUDIN BIN SHARIF  
Pengarah Pendidikan Negeri Johor  
Kementerian Pendidikan Malaysia

# KOLOKIUM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION TAHUN 2018

## *Latar Belakang*

Program Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) merupakan program latihan yang telah diperkenalkan di Institut Aminuddin Baki (IAB), KPM sejak tahun 1999, selepas penjenamaan semula National Profesional Qualification for Headship (NPQH) dan menjadi pra syarat latihan sebelum lantikan sebagai Pengetua dan Guru Besar (PGB).

Syarat Baharu Pelantikan Pengetua dan Guru Besar (PGB) mewajibkan calon mempunyai sijil NPQEL/NPQH berkuatkuasa 1 Julai 2014 sebagai langkah untuk memastikan pencapaian sasaran Anjakan 5 PPPM 2013-2025 iaitu menempatkan pemimpin berprestasi tinggi di setiap sekolah di bawah kawalan KPM. Seramai 3,221 daripada 4,943 graduan daripada Ambilan 2014 sehingga Ambilan 1 Tahun 2017 telah dilantik sebagai PGB (Data MPPS, 1 September 2017).

Surat Siaran KPM bertarikh 17 Jun 2014 mewajibkan semua calon yang ditawarkan pemangkuan dan penempatan hakik untuk mengikuti Program Residency dan Immersion (PRIme). PRIme adalah satu program pemantapan pelbagai kompetensi dalam kepimpinan dan pengurusan. Program ini juga memberi bimbingan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) yang baru dilantik secara hands-on.

## *Objektif*

Matlamat Anjakan 5 PPPM 2013-2025: Menempatkan Pemimpin Berprestasi Tinggi di Setiap Sekolah. Seajar dengan itu PGB yang telah diberi latihan semasa program NPQEL dan disambut dengan khidmat konsultasi melalui program PRIme haruslah sentiasa dibugarkan samada daripada segi pengetahuan, kemahiran mahupun nilai.

Sehubungan dengan itu Kolokium Amalan Terbaik PGB Immersion ini dirancang dengan tujuan mewujudkan ruang dan peluang perkongsian amalan terbaik dalam kalangan PGB graduan NPQEL.

Kolokium ini dapat mengetahahkan PGB graduan NPQEL yang berjaya sebagai pemimpin instruksional dan perubahan di sekolah. Ruang perkongsian yang diberikan kepada PGB yang membentang dapat menyuntik semangat dan memperkuuh jati diri sebagai pengurus dan pemimpin institusi pendidikan dalam menghadapi cabaran masa kini.

Pengetahuan, kemahiran, nilai dan pengalaman para pembentang dapat menjadi suri teladan kepada PGB yang lain khususnya PGB baharu. Bahan perkongsian amalan terbaik ini akan dikumpulkan dan diterbitkan dalam bentuk e-Prosiding sebagai perkongsian kepada semua pemimpin pendidikan.

**Pembentangan peserta berfokus kepada sembilan (9) bidang  
Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM):**

- Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi
  - Pengurusan Kurikulum
  - Pengurusan Hal Ehwal Murid
  - Pengurusan Kokurikulum
  - Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Pentadbiran Pejabat
- Pengurusan Persekuturan dan Kemudahan Fizikal
- Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
  - Pengurusan Perhubungan Luar

## *Jawatankuasa Induk*

Penasihat	: YBhg. Datuk Dr. Amin bin Senin (Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia)
Pengerusi I	: Pengarah IAB
Pengerusi II	: Tn. Hj. Shaharudin bin Sharif (Pengarah Pendidikan Negeri Johor)
Timbalan Pengerusi I	: Puan Mistirine binti Radin (Timbalan Pengarah Khidmat Latihan IAB)
Timbalan Pengerusi II	: En. Mazlan bin Samsuddin (Timbalan Pengarah Khidmat Profesional IAB)
Setiausaha	: En. Zairi bin Zainal Abidin (Pegawai Meja Program Immersion IAB)
Bendahari	: Pn. Suraya Hani binti Saleh (Pendaftar IAB)
Urus Setia	: En. Hassan bin Mohd Deli (Ketua Pusat Konsultasi dan Pembangunan Organisasi Pendidikan (IAB))  En. Kamarudin bin Abu (Ketua Sektor Jaminan Kualiti JPN Johor )

### AHLI JAWATANKUASA:

Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan (PDSP)  
Semua Ketua Sektor Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Johor  
Alumni Graduan NPQEL Negeri Johor

## *Jawatankuasa Kerja*

<i>Jemputan VVIP, VIP, Peserta, Jawatankuasa, Pembentang Kolokium &amp; Keurusan</i>	En. Abdul Rahim bin Abdul Rashid
Prn. Normala binti Ibrahim	
Prn. Suzana binti Zakaria	<i>Jawatankuasa Sijil</i>
Cik Mahfuzah binti Omar	Dr. Shafinaz binti A. Maulod
En. Md Yusof bin Dawam	Pn. Misliah binti Mesran
Prn. Salina binti Samington	Pn. Siti Hadijah binti Alwi

<i>Jawatankuasa Kertas Kerja</i>
Prn. Asiah binti Yaacob Khan
Prn. Suzana binti Zakaria

<i>Jawatankuasa Website, Teknikal &amp; Multimedia</i>
En. Abd Razak bin Abu Samah

<i>Jawatankuasa Pelaporan dan Penilaian Kolokium</i>
En. Lee Ah Kit
Prn. Noraisah binti Md Yusof

<i>Jawatankuasa Kewangan</i>
En. Zairi bin Zainal Abidin

<i>Jawatankuasa Pengumpulan Bahan (Powerpoint &amp; Abstrak)</i>
En. Zulkifli bin Manaf
En. Ahmad Termizi bin Mohd Yusuf

<i>Sambutan &amp; Persembahan</i>
Cik Mahfuzah binti Omar
En. Md Yusof bin Dawam
En. Izeedin bin Mohd Yusof
Pn. Salina binti Samington
En. Abdul Razak bin Abu Samah
En. Ahmad Termizi bin Mohd Yusof
En. Adi bin Hassim
En. Mohd Firdaus bin Ibrahim
Pn. Hjh. Julaika binti Pardi
SIP+ Negeri Johor

<i>Jawatankuasa Prosiding Kolokium</i>
En. Amran bin Omar
Pn. Latifah binti Othman
Prn. Maizatul Akmal binti Sahudin
Dr. Quah Cheng Sim
Cik Wong Kwai Cheng
Prn. Nor'ain binti Sujak
En. Yahaya bin Mohamed

<i>Pengacaraan</i>
En. Azami bin Ibrahim
En. Adi bin Hassim

En. Mohd Senin bin Kassim  
En. Mohd Hafidz bin Samsuddin  
En. Muhamod Suhaimi bin Suleiman  
En. Asrol Faezal bin Ahmad  
Prn. Hamidah binti Ali  
Prn. Zarinaawati binti Ismail  
Tn. Hj. Azhar bin Tumin  
Tn. Hj. Ab Rahman bin Hassan  
Prn. Hjh. Salleha binti Abd Kahar  
Prn. Hjh. Nor Ezah binti Mohammad  
Tn. Hj. Azali bin Atan  
Tn. Hj. Muhammad Rashid bin Daim  
Tn. Hj. Maon bin Marsini  
En. Zainal Abidin bin Hassan  
En. Burhanudin bin Kamar  
Prn. Nilam Syahrina binti Mohd. Yusof  
Prn. Maimunah binti A. Kecil  
Prn. Maimunah binti Ahmad  
En. John Daniel

**Protokol, Istiadat Perasmian & Penutup**  
Prn. Siti Hajar binti Mahpol  
Prn. Rafidah binti Mohd Yussup  
En. Fuaad bin Sarmin  
En. Rodyisnansyah bin Julaihi  
Prn. Salina binti Ithnin  
Prn. Noor Huda binti Hamid  
En. Mohd Saiful bin Daud  
En. Mohd Hafidz bin Samsuddin

**Penginapan**  
Prn. Nohiza binti Mohd Noor  
En. Ismadi bin Sabar  
En. Mohd Noor bin Makpol

**Teks Ucapan & Kata Alu-aluan**  
En. Shamsuri bin Jamil  
Prn. Sarina binti Che Ariff  
En. Mohd Ishak bin Ismail  
En. Mohd Esa bin Dasim  
En. Arbain bin Miswan

**Buku Program, Banner, Bunting & Tag Nama**  
En. Ahmad Firdauz bin Abdullah Tahrin  
En. Mohd Firdaus bin Aris

**Rakaman, Dokumentasi & Persembahan Multimedia**  
En. Noremy bin Rasep - Unit Media BTPN Johor  
En. Zainudin Abidin bin Jalil - Pegawai ICT PPD Batu Pahat  
FT SMK Senggarang

**Teknikal**  
En. Izuan bin Adnan  
En. Muhammad Effendie bin Baidari  
En. Mohamad Azree bin Hassan  
En. Samsul Anuar bin Hussin  
En. Muhammad Izwan bin Abdul Jalil  
En. Mohd Razak bin Sanusi

**Pameran**  
En. Azman bin Safi  
Prn. Hjh. Saodah binti Ahmad  
Prn. Sairah binti Hussain @ Hussien  
En. Rahmat bin Baharudin  
En. Nordin bin Mukri  
En. Yusri bin Kosan

En. Mohan A/L M.S. Damodaran

**Persiapan Tempat, Backdrop & Hiasan**  
En. Md Zan bin Abu Bakar  
En. Yuasmedi bin Selamat  
En. Wan Abdullah bin Wan Ahmad  
En. Abu Khan bin Misran  
En. Mohd Said bin Mohd Sohol  
Tn. Hj. Md Kharol bin A. Rahman  
En. Osman bin Abdullah

**Pengangkutan, Kebajikan & Keselamatan Peserta**  
En. Rizal bin Ab Rashid  
Tn. Hj. Mohamad Nizam bin Mahbob  
En. Mohd Ruzi bin Abdullah Sani  
En. Rozi bin Md Yusof

**Pendaftaran Peserta & Pengurusan Tuntutan**  
Pn. Rohayati binti Said Abuvvv  
En. Vasu A/L Muniandy  
Cik Nurdila Binti Kaharudin  
En. Mohd Harfizi Bin Jaafar  
Pn. Norhaiza binti Tahir  
Pn. Kartinie binti Amat  
Pn. Juliah binti Sarju

**Penjaga Masa Slot Pembentangan & Pencatat**  
Pn. Juliania binti Ahmad (B1)  
Cik Normadiah binti Othman (B2)  
Pn. Siti Faridah binti Jurani (B3)  
Pn. Norhaniza binti Haslam (B4)  
Pn. Too Peck Yong (B5)  
Pn. Lim May Lan (B6)

Pn. Mah Bee Hwee (B1)  
Pn. Siti Hazlin binti Yusof (B2)  
Pn. Safiah binti Johari (B3)  
Pn. Samidah binti Md Talib (B4)  
Pn. Ariyanti binti Aman (B5)  
Pn. Fadzilah binti Paiman (B6)

**Seranta, Media & Website**  
En. Ismail bin Abdullah  
En. Mohamad Izzudin bin Ikhwan  
En. Norzaidi bin Jamiludin

**Sijil, Hadiah & Cenderamata**  
Pn. Hjh. Nor Ezah binti Mohammad  
En. Sariman bin Hussin  
Pn. Sharifah Kalsom binti Syed Salleh

**Jamuan VIP & Makanan Peserta**  
En. Ahmad Nasarudin bin Tulus  
En. Safaat bin Hashim  
En. Hamium bin Yunos  
Pn. Hanita binti Jamil  
Pn. Wahida binti Rosdi @ Mohamed Deros  
Pn. Siti Mowlina binti Mashadi

**ICT & Siaraya**  
En. Isfandi Adi bin Ahmad  
En. Ahmad Firdauz bin Abdullah Tahrin  
En. Mohd Firdaus bin Aris

*Jadual Kolokium PGB Immersion 2018*

TARIKH	MASA	PERKARA
<b>30 Oktober 2018</b> (Selasa)	12.00 - 02.00 petang 02.00 - 02.30 petang 02.30 - 04.30 petang	Pendaftaran Taklimat Ucap Utama
<b>31 Oktober 2018</b> (Rabu)	08.15 - 10.15 pagi 10.15 - 10.45 pagi 10.45 - 12.45 pagi 12.45 - 02.15 petang 02.15 - 04.15 petang	Taklimat <b>Pembentangan Utama 1</b> (Dewan Besar)  Rehat  Pembentangan Selari Sesi 1 1. Balai Persidangan 2. Balai Ilmu 3. Bilik Kuliah 9 4. Bilik LDP1 5. Bilik LDP 2 6. Bilik LDP 3  Rehat  Pembentangan Selari sesi 2 1. Balai Persidangan 2. Balai Ilmu 3. Bilik Kuliah 4. Bilik LDP1 5. Bilik LDP 2 6. Bilik LDP 3
<b>1 November 2018</b> (Khamis)	08.15 - 10.15 pagi 10.15 - 10.45 pagi 10.45 pg - 12.45 tengahari	<b>Pembentangan Utama 2</b>  Rehat  Majlis Penutupan

JOHOR

**DATA DRIVEN**

Mohd Azlan Bin Abd Rahman  
Guru Besar  
SK Parit Markom, Pontian, Johor.

**ABSTRAK**

Sistem pendidikan tidak boleh berjaya tanpa dedikasi dan iltizam guru serta pemimpin sekolah. Perubahan sebenar tidak akan berlaku tanpa mempertimbangkan secara serius keperluan guru dan pemimpin sekolah dalam mencari kaedah untuk memupuk dan mengekalkan kecermerlangan. Pihak pengurusan sekolah telah berusaha untuk mempertingkat kualiti pendidikan seiring dengan Gelombang Kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2016 - 2020). Data Driven adalah kata sifat bererti bahawa kemajuan atau pencapaian dalam suatu kegiatan diperolehi berdasarkan data, bukan bersandarkan intuisi atau pengalaman peribadi. Dengan kata lain, keputusan atau perancangan yang dibuat adalah dengan bukti empirikal dan bukan spekulasi atau firasat. Data yang dikaji oleh pihak pengurusan sekolah melibatkan data secara online dan offline Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan data driven ini membantu pihak sekolah merancang program penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti pencapaian sekolah. Impak pelaksanaan "Data Driven" dapat dilihat dengan peningkatan pencapaian akademik dan juga bukan akademik di sekolah ini. Satu fail hambaran elektronik Microsoft Excel yang digunakan oleh guru dapat menunjukkan analisa dan peningkatan kepada pencapaian murid keseluruhannya. Ianya juga membantu pihak sekolah membuat penarafan kendiri dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) bagi Standard 1 (Pengurusan Kepemimpinan) dan Standard 2 (Pengurusan Organisasi).

**Kata kunci :** pengurusan sekolah, organisasi, data driven, peningkatan

**SCHOOL REWARD CHART**

Norhaiza Binti Tahir  
Guru Besar  
SK Tengku Mariam, Johor.

**ABSTRAK**

Kajian tindakan ini dijalankan untuk melihat amalan baik dan keberkesanan tindakan amalan baik terhadap semua murid di sekolah. Responden kajian melibatkan 511 orang murid di SK Tengku Mariam yang terdiri daripada murid Tahun 1 hingga Tahun 6 dengan menggunakan soal selidik sebagai alat pengukur. Tinjauan awal telah dilakukan melalui kaedah pemerhatian dan di dapat kebanyakan murid kurang mempraktikkan amalan baik iaitu beratur untuk keluar masuk kelas, menghormati majlis rasmi sekolah dan memberikan salam kepada warga dan tetamu sekolah. Tindakan yang diambil untuk meningkatkan tiga amalan baik ini adalah menerusi perlaksanaan program School Reward Chart. School Reward Chart ini menerapkan tiga amalan iaitu amalan 1 AM untuk isu beratur keluar masuk kelas. Seterusnya, amalan zon senyap dan cue 3,2,1 untuk isu menghormati majlis rasmi sekolah dan amalan salam dan tunduk untuk isu memberikan salam kepada warga dan tetamu sekolah. Tiga amalan tersebut akan diperkenan oleh guru-guru dan akan direkodkan serta dicatat oleh guru bertugas menggunakan Paparan School Reward Chart. Kelas yang mempunyai sticker terbanyak akan menerima Sijil Kelas Berprestasi Tinggi dan guru kelas akan menerima Guru Kelas Berprestasi Tinggi sebagai ganjaran setiap bulan. Kelas yang mengumpul sticker terendah akan diberikan sesi kaunseling kelas. Hasil kajian mendapati terdapat perubahan pada sikap amalan baik murid dan 100% murid memainkan peranan untuk mengutip jumlah sticker yang banyak dan bertanggungjawab atas penolakan sticker.

**Kata Kunci:** beratur, salam dan tunduk, memberi salam, ganjaran.

**PEMBUDAYAAN INOVASI SAINS, MEMPERKASAKAN KEMENJADIAN MURID**

Muzaffar Shah Bin Ghazali  
Pengetua  
SMK Palong Timur, Johor.

**ABSTRAK**

Program Penggalakkan Sains dan Teknologi (PPST) adalah merupakan program awal yang dijalankan sebelum menjawat jawatan sebagai pengetua. Berikutnya dari usaha tersebut, banyak kejayaan telah dicapai sepanjang tempoh berada di sekolah seperti pengiktirafan status Kluster Inovasi dan Kreatif yang di terima oleh SMK Seri Kenangan Segamat, menjulang nama sekolah SMK LKTP Pemanis atas kejayaan Anugerah Inovasi Negara pada tahun 2013 dan berjaya membimbang murid SMK Buloh Kasap dan SMK Palong Timur menjadi wakil Malaysia dalam pertandingan Inovasi Sains Intel Iseff peringkat Antarabangsa di USA. Program tersebut menjadi amalan terbaik kepada Pembudayaan Inovasi Sains di SMK Palong Timur. Usaha secara terancang telah dijalankan dengan menerapkan elemen Penggalakkan Sains dan Teknologi dalam Perancangan Strategik sekolah. Data berkaitan diperolehi melalui rekod penglibatan dan pencapaian murid dalam program-program yang berkaitan. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Sebanyak 79.67% bersetuju Pembudayaan Inovasi Sains telah berjaya dijalankan di SMK Palong Timur Segamat. Data juga diambil dari soal selidik seramai 349 orang murid serta 27 orang murid yang terlibat secara langsung dalam memperkasakan kemenjadian Murid. Analisis Pembudayaan Inovasi Sains dalam kalangan Murid SMK Palong Timur digerakkan kepada beberapa elemen iaitu 72.94% bersetuju proses penggalakkan dan pemerkasaan telah dijalankan sepanjang tempuh persekolahan. 82.59 % yakin usaha menjalankan aktiviti Sains menjadi harapan dan menimbulkan minat sains dalam kalangan murid. Dari analisis yang dijalankan, 90.58% bersetuju kemenjadian murid berjaya direalisasikan. Setelah diusahakan Program Inovasi Sains, 78.68% bersetuju program pembudayaan perlu diteruskan untuk menjadi nilai tambah kepada transformasi STEM .

**Kata Kunci:** pembudayaan inovasi sains, pengalakkan dan pemerkasaan, kemenjadian murid.

**BERSAMA MU SPEED**

Hjh. Hasnah binti Yussoff  
Pengetua  
SMK Kota Masai, Johor.

**ABSTRAK**

Kajian ini melibatkan murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dalam Program "Bersama Mu Speed" untuk mencapai hasrat unit Pendidikan Khas bagi mendorong kepada kemenjadian murid ke arah kehidupan yang lebih bermakna. Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan pengajaran dan pemudahaaraan (PdPc) luar bilik darjah yang berteraskan kepada Kemahiran Asas Vokasional melalui Projek Penanaman Cendawan Tiram Kelabu. Projek ini juga dijalankan bagi mengatasi masalah kepadatan murid di dalam bilik darjah. Murid-murid Pendidikan Khas bermasalah pembelajaran adalah antara golongan yang lemah dari aspek penguasaan kemahiran belajar berikutnya pengekalan tumpuan yang singkat. Namun begitu, masalah ini dapat diatasi dengan kaedah pelaziman yang diperkenalkan dalam projek ini. Pelaksanaan projek ini telah memberikan impak positif kepada kemenjadian murid Pendidikan Khas seperti kemanuriran urus diri dan kemahiran keusahawanan. Selain itu, masalah kepadatan murid di dalam bilik darjah turut dapat diatasi. Seterusnya, peratus kehadiran murid ke sekolah turut meningkat. Secara tidak langsung, projek ini juga turut membantu meningkatkan sumber kewangan Unit Pendidikan Khas.

**Kata Kunci :** pdpc luar bilik darjah, kehidupan bermakna, pengubahan kurikulum

**MEMBUDAYAKAN HEADCOUNT MENGGUNAKAN PPHCK**

Hamdan bin Sairi  
Guru Besar  
SK Seri Binjai, Batu Pahat, Johor.

**ABSTRAK**

Program Headcount telah dikenalkan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Tuan Hj. Sufaat bin Tumin pada tahun 2006. Matlamat utama Program Headcount ini adalah memastikan pengurusan perancangan kecemerlangan peperiksaan awam diurus dengan sistematis. Semua pentadbir sekolah telah menggunakan Headcount dalam menentukan sasaran pencapaian keputusan peperiksaan awam di sekolah masing-masing. Pada ketika ini, Program Headcount sangat bertepatan dengan objektif gelombang kedua (2016 – 2020) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu "Mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem". Begitu juga dengan penetapan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2) pada 3.1.2.3 iaitu "Program peningkatan pencapaian murid diurus secara profesional dan terangam". Setelah dua belas tahun sejak Headcount diperkenalkan, didapati Program Headcount tidak berkembang sesuai dengan perubahan sistem pendidikan yang berkonsepkan Pembelajaran Abad Ke-21. Program Headcount kurang dihayati oleh guru-guru. Guru-guru hanya menyediakan data-data headcount dengan tujuan untuk memenuhi kehendak pihak pentadbiran dan pemantau sahaja. Mereka hanya tahu tentang istilah-istilah asas headcount seperti TOV (Take of value), ETR (Expected targeted result), OTR (Operational targeted result), dan AR (Actually Result). Penciptaan Perisian Program Perancangan Headcount Kelas (PPHCK) dibuat untuk membantu guru dan pentadbir sekolah dalam membudayakan amalan Headcount secara lebih efektif dan berkesan

**Kata Kunci :** headcount, SKPMg2, PPHCK

**DOUBLE J: MEMPERKASAKAN JALINAN DAN JARINGAN**

Norianto Bin Ahmad Sukani  
Guru Besar  
SK Peta, Mersing, Johor.

**ABSTRAK**

Anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas perlu disambut dan direalisasikan. Melihat kondisi fizikal sekolah yang agak daif, data pencapaian akademik yang rendah dan pelibatan ibu bapa dan komuniti yang kurang memberangsangkan, SK Peta memperkenalkan inisiatif penambahbaikan dikenali #Double J. Program induk memperkasakan jalinan dan jaringan ini menjadi tunjang kejelekitan SK Peta dengan pelbagai agensi luar dalam membantu kecemerlangan sekolah. Terdapat beberapa sub program yang menjadi pemangkin #Double J seperti Mesyuarat Agung PIBG, Sambutan Hari Raya, program gotong royong dan pelbagai program kerjasama bersama NGO dan komuniti. Setiap ibu bapa dan komuniti memainkan peranan mengikut bidang dan kepakaran mereka. Impak daripada pemerksaan jalinan dan jaringan ini, keadaan fizikal sekolah kini semakin kondusif, pencapaian UPSR 2017 buat julung kalinya mencapai 100% menguasai dan pelibatan ibu bapa dalam program sekolah juga menunjukkan peningkatan yang drastik. Kehadiran murid-murid ke sekolah juga kekal melepas KPI yang ditetapkan. Permuafakatan dan perkongsian pintar yang mantap serta akrab antara pihak sekolah, rumah dan komuniti menjadi fokus utama dalam membentuk kemenjadian murid dan kecemerlangan modal insan seperti yang diharatkan. Inilah elemen yang akan sentiasa dikaji dan ditambah baik oleh warga SK Peta.

**Kata Kunci:** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, kejelekitan, permuafakatan, kemenjadian murid, modal insan

**BACK TO BASIC, SUSTAIN**

Jafri Bin Tasri

Pengetua

SMK Parit Betak, Johor.

**ABSTRAK**

Pemimpin menjadi titik mula kepada cemerlangan sebuah sekolah kerana di bahu mereka halal tuju dan perancangan strategi yang marpan bakal dilaksanakan bagi mencapai matlamat dan kejayaan. Amalan kepimpinan pengetua pastinya akan mempengaruhi budaya kerja warga sekolah untuk mencapai sasaran dan kejayaan. Pengetua yang berinspirasi berupaya memacu perubahan positif terhadap orang bawahannya dan menjadikan mereka lebih fokus dan terarah. Pengetua seharusnya menjadi role model dengan melakukan transformasi positif melalui komuniti pembelajaran profesional (PLC), dan menggabungkan elemen-elemen kemanusiaan juga fizikal sekolah. Melalui amalan 'Back to Basic' dan 'Sustain' berdasarkan SPI dan SKPMg2, bagi meningkatkan budaya kerja sesepasukan dalam kalangan guru, dengan slogan 'SPARK ONE GOAL' telah menyerlahkan kepimpinan pengetua sebagai pemimpin transformasional. Transformasi ini bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi guru dan murid malahan dapat meningkatkan kehadiran murid ke sekolah, berjaya menggalakkan penglibatan ibu bapa dengan program-program sekolah, seterusnya berupaya meningkatkan kepercayaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kepada sekolah. Perubahan tersebut pastinya memberi kepuasan dan meningkatkan motivasi warga sekolah. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keberkesanan sekolah dan memberi motivasi warga sekolah untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Kesannya, transformasi dalam kerja berpasukan telah berjaya mempengaruhi organisasi melahirkan pemimpin yang berkesan, guru berkualiti, sokongan PIBK yang tidak berbelah bahagi.

**Kata Kunci:** role model, motivasi, meningkatkan kehadiran, penglibatan ibu bapa, keberkesanan sekolah.

**MELAKA****TRANSFORMASI DIRI KE ARAH PENCAPAIAN DENGAN LEARNING WALK**

Pn. Hajah Juniadah Binti Abu Adam

Guru Besar

SK Kubu, Kampung Ampat, Melaka.

**ABSTRAK**

Penambahbaikan di dalam PdPc guru telah dikenalpasti boleh meningkatkan pencapaian murid di dalam peperiksaan. Learning Walk yang melibatkan pentadbir dan pemimpin pertengahan merupakan satu aktiviti yang dijalankan untuk melihat kepelbagaiannya kaedah PdPc guru. Dapatkan Learning Walk akan dikongsi dengan semua guru. Guru-guru perlu menggunakan pelbagai strategi untuk merangsang minat murid dan meningkatkan pemahaman konseptual mereka. Guru yang berkualiti mampu melahirkan murid yang berkualiti di samping boleh memberi sumbangan keparakan kepada sekolah. Dengan kekapanaran yang ada telah terciptu idea untuk membina Studio PAK 21. Keprihatinan dan kesedaran mereka di dalam mempelbagaikan PdPc telah melahirkan murid-murid yang berkualiti sama ada di dalam bidang Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

**Kata kunci :** learning walk, guru berkualiti : kemenjadian murid

**PROGRAM CAKNA SOLAT**

Pn. Shamsinah Bt. Hj. Jamil

Guru Besar

SK Hutan Percha, Melaka.

**ABSTRAK**

Dalam melahirkan anak didik yang cemerlang di dunia dan di akhirat serta insan yang bertaqwa kepada Allah sudah semestinya ciri-ciri anak soleh perlu disemai dalam sanubari mereka agar keluar menjadi insan yang bertanggungjawab, berdisiplin, berilmu, beramal, serta seterusnya matang dalam menangani kehidupan serta cabaran global dunia. Bagi mencapai hasrat murni ini SK Hutan Percha telah mengorak langkah melaksanakan Program Cakna Solat kepada murid-murid tahun satu sehingga tahun enam yang beragama Islam. Program Cakna Solat ini perlu dibudayakan setiap hari untuk melahirkan murid yang seimbang rohani dan jasmani. Sesungguhnya Program Cakna Solat ini bermaklumat untuk menyedarkan murid bahawa melaksanakan solat merupakan satu kewajipan yang mestilah dilaksanakan tanpa pengecualian serta meningkatkan sahsiah murid ke tahap yang lebih baik. Program ini dilaksanakan pada waktu rehat setiap hari persekolahan sepanjang tahun. Guru bertugas bersama-sama guru Pendidikan Islam (menikut jadual bertugas) akan memantau perjalanan program ini setiap hari dengan memastikan murid merekod di dalam buku yang disediakan. Sebelum melaksanakan Program Amalan Baik Cakna Solat pihak sekolah telah mengenal pasti punca pencapaian akademik dan masalah disiplin murid-murid masih berada pada tahap rendah. Rumusan telah diperoleh dengan menggunakan kaedah soal sejuk, temu bual, analisis rekod, penilaian dan pemerhatian. Dapat menunjukkan bahawa pendekatan kerohanian perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini. Justeru, inovasi dalam Program Cakna Solat yang diketengahkan ini telah terbukti dapat mengubah tingkah laku dan pencapaian akademik murid kepada tahap yang lebih baik seperti yang ditunjukkan dalam keputusan UPSR, pencapaian kokurikulum dan disiplin murid berbanding pada tahun 2016.

**Kata Kunci :** peningkatan sahsiah, pendekatan kerohanian

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

---

### PROGRAM GEMILAP PERMATA

Pn. Monarefita Binti Mohamed  
Guru Besar  
SK Sri Lanang, Melaka.

### ABSTRAK

Falsafah Pendidikan Negara bermatlamat untuk mengembangkan potensi individu murid secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Justeru itu, guru memainkan peranan penting bagi mengenal pasti bakat dan potensi murid yang terpendam untuk diketengahkan agar ia berkembang. Murid-murid merupakan aset yang bernilai, amanah yang perlu dijaga, diasuh dan dididik kerana mereka merupakan pemimpin masa hadapan. Namun, murid didapati kurang berketerampilan dan tidak dapat melahirkan idea secara spontan di hadapan khalayak. Oleh sebab itu, murid-murid ini perlu dibawa ke satu dimensi yang boleh merangsang mereka berlumba-lumba menyampaikan idea, menunjukkan bakat dan berani ke hadapan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) mengharapkan agar semua murid boleh belajar dan semua murid boleh berjaya jika diasuh dengan betul. Justeru Program Gemilap Permata dijalankan di SK Sri Lanang bertujuan untuk membina keyakinan diri serta memupuk sikap berani ke hadapan, melahirkan idea dan mencungkil bakat serta potensi murid agar lebih berdaya saing. Program ini mensasarkan murid tahun 1 hingga tahun 6 dijalankan sepanjang tahun mengikut takwim. Program yang dilaksanakan pada waktu rehat ini memerlukan murid-murid membuat persembahan dalam apa sahaja bentuk berdasarkan kemahiran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Program ini dapat meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan murid di samping dapat mewujudkan komunikasi dua hala yang lebih berkesan antara sesama murid dan murid dengan guru. Murid menjadi lebih aktif dalam pengajaran dan pemudahaan, lebih berminat menyertai aktiviti anjuran pihak sekolah atau mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan dan program. Selain itu, disiplin pada waktu rehat juga terkawal semasa program ini dijalankan.

**Kata Kunci:** bakat, potensi, keyakinan, kemenjadian murid

### PROGRAM MENGGAPAI BINTANG SI CILIK

Azlinah Binti Hj. Yang @ Abu Sop  
Guru Besar  
SK Kampung Tun Razak, Melaka.

### ABSTRAK

Falsafah Pendidikan Negara bermatlamat untuk mengembangkan potensi individu murid secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) pula menggariskan melalui Anjakan 9, bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas dan Anjakan 10, memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit. Lantaran itu, peranan guru amat penting bagi mengenal pasti bakat dan potensi murid yang terpendam perlunya diketengahkan agar dapat diperkembangkan. Murid-murid merupakan aset negara yang bernilai yang perlu dijaga, diasuh dan dididik kerana mereka merupakan generasi pemimpin pada masa hadapan. Namun, terdapat murid yang tidak berkeyakinan diri dan berketerampilan dalam sesuatu bidang yang diceburi. Justeru itu, murid SK Kampung Tun Razak telah diberi peluang dan ruang untuk mereka mampu meningkatkan kejayaan dalam bidang yang diceburi dengan adanya sokongan semua pihak. Dengan ini, Program Menggapai Bintang Si Cilik telah dirancang dan dilaksanakan di SK Kampung Tun Razak, Melaka dengan satu matlamat untuk melahirkan bakat dan penampilan diri yang ada selaras dasar Kementerian Pendidikan Malaysia bagi melahirkan kemenjadian murid. Malahan, program ini dapat menyuntik semangat murid dan memberi impak ke arah penambahbaikan potensi diri sejajar dengan minat dan kebolehan mereka untuk mencapai kecemerlangan dan jati diri sebenar.

**Kata Kunci:** menggapai, bintang , si cilik, kemenjadian murid

### SATU KAEADAH, SATU MATLAMAT

Masdura Bt. Selamat  
Guru Besar  
SK Ayer Merbau, Jasin, Melaka.

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang peranan pemimpin sekolah dalam mengelola dan mengerakkan satu pasukan guru melaksanakan satu strategi serampang dua mata bagi meningkatkan keseronongan belajar dalam kalangan murid. Pertama ialah penghasilan mini white board yang lebih sesuai dari segi saiz dan material, praktikal dan berkualiti. Kedua, pembugaran penggunaan mini white board itu sendiri dalam proses pengajaran guru dan pembelajaran murid. Mutahir, strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid telah banyak digunakan oleh para guru semasa menyampaikan ilmu, bahkan telah menjadi tren utama dalam inovasi kurikulum seluruh dunia. Noriati (2009) mendefinisikan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid sebagai pengambil alihan tugas daripada guru oleh murid secara aktif. Selain dari itu strategi ini juga dilihat dapat meningkatkan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan kemahiran berfikir, menambahkan keyakinan diri, menggalakkan murid menghasilkan idea dan memberi pendapat, menggalakkan murid membina ilmu dan mewujudkan suasana kerjasama dan ‘seronok belajar’ atau fun learning dalam kalangan murid (Shahbuddin, 2007). Justeru itu, satu usaha untuk memperkisas penghasilan dan penggunaan mini white board telah direncanakan oleh pemimpin sekolah ini sebagai satu usaha mempraktikkan salah satu elemen proses pengajaran dan pembelajaran PAK 21. Usaha ini juga dilihat sebagai alternatif menyelesaikan beberapa masalah utama pembelajaran murid. Penggunaan mini white board yang lebih mantap dan praktikal menjadi pemangkin kepada aktiviti belajar yang lebih seronok dan bermakna serta memberi impak yang tinggi kepada sekolah ini secara keseluruhannya.

**Kata Kunci:** mini white board, strategi berpusat murid, fun learning



BIRU MATA HITAMKU

Jamilah Bt Ishak

Guru Besar

SK Bukit Lintang, Melaka.

**ABSTRAK**

Biru Hitam Mataku adalah satu program yang dirancang oleh pihak pengurusan sekolah bagi meningkatkan penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris murid. Program ini dijalankan secara berterusan mulai Februari 2017 hingga sekarang. Program ini diperkenalkan di bawah dasar MBMBBI yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui penggunaan bahasa Inggeris yang lebih meluas di sekolah. Ini juga selaras dengan Surat Pekelling Ikhtisas Bil 4 tahun 2016 iaitu pelaksanaan Highly Immersive Programme (HIP) disesuaikan institusi pendidikan di bawah KPM. Pihak sekolah menggunakan dua pendekatan iaitu Whole School Approach dan konsep Outreach. Pendekatan Whole School Approach melibatkan penyertaan menyeluruh daripada pemimpin sekolah, guru, murid, ibu bapa serta komuniti dalam aktiviti bahasa Inggeris bagi memastikan pencapaian objektif serta kelestarian HIP. Konsep Outreach pula adalah satu usaha yang dilaksanakan dan berkesan dalam membantu sekolah meningkatkan penglibatan murid iaitu mewujudkan kolaborasi dengan pihak luar seperti alumni sekolah, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Kepimpinan sekolah dan Jawatankuasa telah menggunakan 5 aktiviti dalam pelaksanaannya iaitu aktiviti dalam kelas, aktiviti luar kelas, aktiviti kelas bimbingan dan aktiviti outreach. Hasil pelaksanaan program ini telah menunjukkan perubahan ketara dalam penglibatan dan penggunaan murid dalam Bahasa Inggeris serta memberi impak terhadap kecemerlangan dan kemandijan murid dalam bidang kurikulum, HEM dan kokurikulum. Hasil komitmen dan kesungguhan melaksanakan Program ini, SK Bukit Lintang telah mendapat pengiktirafan 'Amalan Terbaik HIP Kebangsaan' oleh English Language Teaching Centre (ELTC) pada tahun 2018. Program ini akan diteruskan dan ditambahbaik dari masa ke semasa selaras hasrat dan slogan sekolah 'SKBL Menjana Insan Terbilang'.

**Kata Kunci :** penguasaan, penglibatan, kemandijan murid, kolaborasi, kepimpinan, amalan

**NEGERI SEMBILAN**

**MENGGALAKKAN PENGGUNAAN FROG – VLE DALAM PDPC GURU**

Amir Fikri Bin Ithnin

Guru Besar

SK Kampong Batu, Rembau, Negeri Sembilan.

**ABSTRAK**

Frog-Vle Classroom diperkenalkan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 anjakan ke tujuh, memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNNS) menetapkan Indeks Prestasi Utama (KPI) 30% dalam penggunaan Frog-Vle untuk murid dan guru. Di SK Kampong Batu, Rembau penggunaannya kurang daripada 5% pada Tahun 2015. Program Frog-Vle Classroom ini bertujuan untuk meningkatkan penggunaannya dan secara langsung menjadikan proses pdpc semakin menarik dan berupaya meningkatkan pencapaian akademik murid-murid. Kemahiran dalam mengelola Frog-Vle semua guru diperlakukan dan pemantauan secara atas talian ditambahbaik. Kemudahan infrastruktur bilik komputer seperti komputer dan capaian internet di selenggara secara berjadual dan kad id murid serta guru diperkenalkan. Penghargaan kepada guru dan murid yang mempunyai bilangan penggunaan tertinggi mengikut bulan juga diperkenalkan. Proses ini diulang berkali-kali bagi memastikan KPI yang telah ditetapkan dapat dicapai. Impak daripada pelaksanaan program ini menunjukkan jumlah penggunaannya meningkat daripada hanya 276 pada tahun 2016 jumlah login kepada 4881 pada tahun 2017. Gred purata sekolah (GPS) bagi murid Tahun 5 juga meningkat bagi tahun 2017 iaitu dari 3.34 untuk peperiksaan pertengahan tahun turun kepada 2.83 untuk peperiksaan akhir tahun.

**Kata Kunci:** tidak capai KPI, pdp berteknologi, tingkatkan penggunaan

**KILASAN MU MELAMBAI KU**

En. Zainal B. Ismail

Pengetua

SMK Taman Indah, Tampin, Negeri Sembilan.

**ABSTRAK**

Aspek kehadiran merupakan elemen terpenting untuk memastikan sebuah sekolah berjaya mencapai hasrat 6 aspirasi murid di bawah PPPM. Jika tidak diberi perhatian yang serius ianya mampu mendatangkan kesan yang negatif terhadap kecemerlangan sebuah sekolah. Tinjauan awal menunjukkan peratus kehadiran yang dicatat oleh kedua-dua kelas kelas 4 PVMA dan 5 PVMA sepanjang 4 bulan (Januari hingga April) adalah sangat rendah iaitu 73.3% bagi kelas 4 PVMA dan 78.9% bagi kelas 5 PVMA. Lantaran telah memberi kesan yang besar kepada kemerosotan peratus kehadiran murid sekolah ini. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan maka program "Kilasan Mu Melambai Ku" telah dilaksanakan sebagai pelan intervensi untuk memupuk minat murid-murid kelas PVMA hadir ke sekolah. Program ini merupakan satu program pemeliharaan ikian keli secara berkumpulan yang diurus sepenuhnya oleh murid-murid berkenaan. Kesannya peratus kehadiran murid bagi kedua-dua kelas ini semakin meningkat dalam tempoh dari bulan Jun hingga Oktober dengan peratus purata 83.5% bagi kelas 4 PVMA dan 80.8% bagi kelas 5 PVMA. Di samping itu, penglibatan murid dari kedua-dua kelas ini dalam aktiviti kokurikulum juga semakin bertambah baik. Penambahbaikan seperti mempelbagaikan jenis ikian yang dipelihara serta pendekatan kepada cara menghasilkan makanan ikian akan dilaksanakan bagi menambahkan lagi keyakinan dalam diri murid-murid serta memantapkan lagi program ini.

**Kata Kunci:** potong sekolah, minat murid, peningkatan kehadiran

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

---

### AMALAN KERJA SECARA BERKELOMPOK

Norazali bin Shahak

Guru Besar

SK Rokan, Gemencheh, Negeri Sembilan.

### ABSTRAK

Amalan Kerja Secara Berkelompok (AKSB) merupakan amalan kerja yang dilaksanakan secara bersama bagi tugas-tugas pengurusan dalam bidang Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum. Aksb melibatkan semua guru dan pembimbing terdiri daripada Guru Penolong Kanan atau Penyelaras Unit atau Guru Besar. Dapatkan soal selidik yang dijalankan menunjukkan punca utama terhadap isu stres adalah disebabkan guru kurang mendapat bimbingan dan tidak jelas tentang tugas dan peranan mereka dalam tugas-tugas pengurusan. Kesan daripada isu ini, mengakibatkan guru-guru mengalami kelelahan, ralat kerja dan lewat menyiapkan tugas-tugas pengurusan yang ditetapkan. Aksb dilaksanakan untuk mengurangkan tahap stres dalam melaksanakan tugas-tugas pengurusan di SK.Rokan melalui bimbinga. Satu set soal selidik digunakan bagi mengenalpasti kesan dan menilai sejauhmana pengamalan AKSB mampu mengurangkan isu stress dan meningkatkan kefahaman guru melaksanakan tugas-tugas pengurusan. Maklumbalas yang diterima melalui soal selidik yang dijalankan, 100.00% guru bersetuju AKSB dapat mengurangkan tahap stress mereka, manakala sebanyak 84.6% guru bersetuju bahawa tahap kefahaman berkaitan peranan dan tugas-tugas dalam kerja pengurusan meningkat. Bagi memastikan AKSB terus mantap dan bermanfaat, tahap kompetensi membimbing dalam kalangan GPK dan Penyelaras Unit perlu dipertingkatkan. Amalan "Coaching and Mentoring" oleh Guru Besar kepada GPK dan Penyelaras Unit dilaksanakan sepanjang tahun secara konsisten sebagai usaha mempertingkatkan kompetensi tugas.

**Kata kunci:** amalan kerja secara berkelompok, pengurangan isu stres, peningkatan kefahaman.

### MENJULANG KECEMERLANGAN MURID DAN SEKOLAH MELALUI KSIB BR

Hj Mohamad Isa Bin Hj Wahab

Pengetua

SMK Bukit Rokan, Negeri Sembilan.

### ABSTRAK

Anjakan kesembilan dalam PPPM (2013-2025) menuntut penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta untuk turut sama memajukan sekolah. Tinjauan awal melalui pemerhatian dokumen dan temu bual menunjukkan kurang kejayaan diraih sekolah dan kemenjadian murid di sekolah ini masih pada tahap kurang memuaskan. Matlamat kajian untuk meningkatkan kemenjadian murid dalam bidang kokurikulum amnya dan unit badan beruniform serta permainan kriket khasnya melalui KSIB BR. KSIB BR ditubuhkan dan memberi sumbangan kepadaaran, kewangan, peralatan dan sokongan moral kepada pasukan badan beruniform sekolah dan pasukan kriket sekolah. Peringkat awal KSIB BR digerakkan, dapat dilihat murid lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti sukan dan kokurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan teratur. Hasil daripada komitmen, sokongan dan kerjasama ibu bapa dan komuniti setempat, sekolah meraikan kejayaan demi kejayaan dan melihat kemenjadian murid meningkat dalam pelbagai bidang. Pasukan kriket lelaki bawah 19 dan 14 tahun kekal sebagai Johan Peringkat Negeri Sembilan, sementara kriket perempuan B19 tahun muncul Naib Johan Kebangsaan(2017). GPS kokurikulum juga meningkat dari 2.3 pada tahun 2016 kepada 1.8 tahun 2017. Jelas, KSIB BR menjulang kecemerlangan murid dan sekolah. Sebagai usaha penambahbaikan KSIB BR akan memperluaskan penglibatan murid, dengan menubahukan beberapa kumpulan berlainan yang boleh menyumbang mengikut minat, bakat dan kepakaran masing-masing demi kecemerlangan murid dan sekolah.

**Kata Kunci:** PPPM, Anjakan kesembilan, Kemenjadian Murid, KSIB

### C-BREEZE

Akashah bin Ismail

Pengetua

SMK Raja Jumaat, Port Dickson, Negeri Sembilan.

### ABSTRAK

Kemenjadian dan kecemerlangan murid dalam SPM menjadi fokus utama sekolah dan harapan tinggi ibu bapa .Hasrat untuk mencapai kecemerlangan SPM direalisasikan melalui program "C-Breeze" SMK Raja Jumaat. Program ini melibatkan semua pelajar Tingkatan 3,4 dan 5 yang menyertai kumpulan koir C-Breeze. Penyertaan pelajar dalam kumpulan koir C-Breeze memberi impak yang besar kepada keputusan SPM sekolah, dimana seramai 14 orang pelajar mencapai semua A dan Gred Purata Sekolah (GPS) 4.55 dalam tahun 2017. Pencapaian cemerlang SPM 2017 berkait rapat dengan penelitian pengisian program yang disusun rapi bagi memberi fokus kepada ahli kumpulan koir dalam menghadapi SPM. Kelainan program yang disusun untuk ahli kumpulan koir yang mengambil SPM adalah gabung jalin antara program akademik dengan program berbentuk hiburan (koir) bagi meningkatkan potensi diri pelajar dengan menggunakan kaedah didik hibur supaya pelajar dapat belajar secara santai tetapi berkesan .Penerapan kaedah HOTs(High Order Thinking Skills) diperkuuhkan dengan latihan dan latih tubi yang berterusan membuatkan hasil yang membolehkan pelajar lebih kritis,kreatif dan inovatif dalam menjawab soalan SPM. Program C-Breeze bukan sahaja memperlihatkan pencapaian yang cemerlang dalam SPM, malahan melonjakkan penglibatan komuniti, pembentukan sahsiah terpuji, serta meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti ko-kurikulum. Kejayaan Program C-Breeze meningkatkan pencapaian SPM 2017 telah mendapat pengiktirafan apabila diberi peluang mempersembahkan koir C-Breeze menerusi TV 1 dalam Slot Rancangan Selamat Pagi Malaysia April 2018. Walau bagaimanapun masih terdapat banyak ruang yang perlu diperbaiki dan diperkemaskan untuk program C-Breeze bagi memberi impak yang lebih menyeluruh kepada semua warga sekolah.

**Kata kunci:** kemenjadian, impak, gabung jalin, didik hibur, HOTs (High Order Thinking Skills)

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

### LEARNING IS FUN

Gan Siok Har

Guru Besar

SJKC Kampung Baru Broga, Negeri Sembilan.

### ABSTRAK

Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa pertuturan utama warga dunia mutakhir ini. Selaras dengan itu, aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menjadikan kemahiran berkomunikasi dan penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya berada pada tahap minima. Di SJKC Kampung Baru Broga dalam konteks pencapaian Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2017 Peratus lulus Bahasa Inggeris Penulis ialah 44% dan Bahasa Inggeris Pemahaman 68%. Didapati pencapaian Bahasa Inggeris menjadi punca utama peratus lulus sekolah berada pada tahap rendah iaitu 36%. Bagi memastikan peningkatan tahap kecemerlangan murid dalam aspek penguasaan Bahasa Inggeris, murid-murid perlu dibimbingan secara konsisten. Apabila penelitian secara eksplisit dilaksanakan didapati bahawa murid-murid menghadapi masalah menguasai aspek kosa kata. Item kosa kata ini merupakan elemen terpenting kerana tanpa penggunaan perkataan yang tepat, maksud yang ingin disampaikan tidak akan difahami dengan baik dan betul. Untuk tujuan itu, aktiviti seperti spelling bee, news report and story telling antara tampilan yang telah diaplikasikan di sekolah. Aktiviti ini dijalankan mulai bulan Januari 2018 hingga bulan April 2018, iaitu selama 4 bulan. Sasarannya ditumpukan kepada murid-murid Tahun Enam tahun 2018. Peratus lulus Ujian Pre Test yang telah dilaksanakan adalah 77.3% manakala Ujian Post Test pula berjaya mencapai sasaran dengan peratus lulus sebanyak 95.46%. Kajian terhadap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar sekolah ini akan dilaksanakan secara berterusan agar isi semasa dapat dikenalpasti dan intervensi yang sesuai dapat dilaksanakan. Sekolah ini ke arah menyediakan pelajar yang mampu menjadikan Bahasa Inggeris sebagai lingua franca dalam pertuturan dan urusan sehari-hari untuk membolehkan mereka meneraju ekonomi dan dunia global masa hadapan.

**Kata kunci:** Lemah penguasaan Bahasa Inggeris, learning is fun, Peratus lulus meningkat

### SELANGOR

### AKU IKON MOON TECK

Tan Kwee Choo

Guru Besar

SJKC Moon Teck, Sabak Bernam, Selangor.

### ABSTRAK

Program Aku Ikon Moon Teck merupakan program yang dijalankan di sekolah SJK(C) Moon Teck, Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, negeri Selangor. Tujuan penulis menjalankan program ini adalah untuk mengkaji amalan baik pengurusan dan kepimpinan pihak sekolah dalam usaha memberi impak kepada kemenjadian murid dari segi pembentukan sahsiah dan kecemerlangan dalam semua bidang di sekolah. Program ini memfokuskan strategi penjanaan dan pemeliharaan motivasi serta inisiatif murid tahun satu hingga tahun enam yang sebelum ini kelihatan pudar untuk digali demi kegemilangan akademik dan sahsiah serta kokurikulum di sekolah. Dalam pada itu, amalan positif yang merupakan penghargaan dan ganjaran yang berterusan daripada pihak pengurusan turut menjadi tumpuan penulis dalam usaha menjayakan program ini. Kaedah yang penulis aplikasikan adalah seperti kaedah pemerhatian, analisis dokumen, sesi temu bual turut diadakan dengan penolong-penolong kanan dan guru-guru yang banyak membantu dalam usaha melaksanakan program tersebut. Antara aspek yang penulis sentuh termasuk analisis persekitaran sekolah yang merangkumi kekuatan dan kelemahan, peluang dan cabaran yang terdapat di sekolah serta tindakan susulan program.

**Kata Kunci:** motivasi, inisiatif murid, penghargaan dan ganjaran berterusan.

### MARI BERKENAL SAPAK

Ruslan Bin Lebai Yakub

Guru Besar,

SK (Asli) Bukit Cheding, Selangor.

### ABSTRAK

Gejala ponteng sekolah semakin hebat diperkatakan oleh semua pihak. Isu ponteng sekolah telah menjadi polemik di media massa sama ada di media cetak maupun media elektronik. Walaupun kadar ponteng sekolah dalam tempoh 5 tahun pada kadar purata 0.37 peratus setahun namun, jika diukur dari jumlah keseluruhan murid dalam negara lebih menunjukkan kadar ponteng seluruh negara pada kadar lebih 20 ribu lebih pelajar setiap tahun. Oleh kerana itulah isu disiplin pelajar seperti ponteng sekolah merupakan salah satu daripada Key Performance Indicator (KPI) bagi Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada tahun 2016. Sejajar dengan sasaran dan hasrat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia berhubung pengurangan ponteng pada kadar 0.01%, maka Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Modul Pembangunan Sahsiah Murid untuk diimplementasikan terhadap semua pelajar di Malaysia. Sistem e-kehadiran (APDM) juga mula diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui sistem ini kehadiran murid di sekolah boleh dipantau dengan mudah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak sekolah. KPI kehadiran murid setiap hari ke sekolah yang telah ditetapkan oleh KPM ialah 95% ke atas.

**Kata Kunci:** gejala ponteng, key performance indicator, pemantauan system

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

---

### HIDUPAN SENI D'BOTOL KESUMA DILESTARI

WANT NO, WASTE NO - (WN)2

Mohd Fauzi Bin Abu Bakar

Pengetua

SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor.

### ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai satu usaha inovasi bagi mengubah persepsi murid-murid tentang penggunaan sisa makanan yang boleh dijanakan semula menjadi sumber nutrien kepada tanah. Di samping melestarikan aplikasi teknologi hijau, projek inovasi ini membantu melahirkan murid yang berilmu dan berkemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Melalui kaedah inkuiri akan mengubah persepsi murid-murid bahawa sisa makanan boleh dijadikan bahan organik dan mampu mendatangkan pulangan menguntungkan serta menyediakan peluang untuk murid-murid mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di dalam bilik darjah. Pelestarian hidupan seni ini mengurangkan pembaziran sisa makanan sebanyak 50% yang mewakili 3 Kg dan 5 Kg sehari yang lazimnya dibuang begitu sahaja. Pelupusan sisa makan secara tradisional yang telah menjadi amalan sebelum ini perlu diinovasikan kepada cara pelupusan yang lebih efektif iaitu mengaplikasikan proses penapaian untuk menghasilkan cecair bahan/nutrien yang bermanfaat kepada alam sekitar. Di samping menggalakkan minat murid terhadap mata pelajaran STEM dan membentuk amalan ke arah pembudayaan pembelajaran PAK-21. Inovasi ini turut memupuk nilai budaya murni khususnya dalam kalangan murid, guru dan ibu bapa agar menghargai dan menjaga alam sekitar. Jaringan dan jalinan strategik dengan komuniti dan sektor swasta yang terjalin telah memberi impak yang positif ke arah kemenjadian dan pembangunan sahsiah murid-murid di sekolah ini.

**Kata Kunci:** aplikasi teknologi hijau, pulangan menguntungkan, pembudayaan pembelajaran PAK-21 menghargai alam

### PROPOSISI : PROGRAM PONTENG SIFAR

Azman Bin Mashuri

Pengetua

SMK Batu Laut, Selangor.

### ABSTRAK

Perkongsian amalan terbaik ini bertujuan untuk meneliti tindakan-tindakan dalam menangani gejala ponteng di sekolah. Gejala ponteng sekolah merupakan salah satu masalah disiplin yang semakin ketara. Hal ini amat membimbangkan ramai pihak khususnya kepada pihak sekolah. Justeru, masalah ponteng sekolah dan ponteng kelas perlu diatasai dengan segera bagi mengelakkan daripada timbulnya pelbagai gejala buruk yang lain rentan daripada perlaku ponteng sifar. Kempen ponteng Sifar ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada murid tentang kesalahan ponteng disamping memberi pendedahan mengenai kesan buruk yang akan diterima sekiranya sikap negatif ini tidak diubah. Program yang dilaksanakan mempunyai ciri-ciri SMART (Specific, Measureable, Achievable, Realistic, Timely). Secara umumnya program ini menggunakan kuasa ganjaran dan hukuman sebagai asas kepada pelaksanaan program. Ganjaran diberikan kepada pelajar yang mempunyai peratusan tinggi dalam kehadiran manakala mereka yang tidak hadir akan dikenakan hukuman mengikut piawai yang telah ditetapkan oleh pihak KPM.

**Kata Kunci :** Ponteng Sifar, Ponteng Sekolah, Ponteng Kelas

### MANISNYA HIDUP TANPA ROKOK

#### TQ GULA-GULA CENGKIH

Suriati Binti Moharam

Pengetua

SMK Puncak Alam 3, Selangor.

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah merokok tegar dalam kalangan murid Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam 3 (SMKPA3) yang perlu diambil tindakan segera kerana sekolah berada dalam kawasan berisiko tinggi untuk DARVIH (Dadah, Alkohol, Rokok, Vape, Inhalan dan HIV). Persoalan utama yang dikaji iaitu menangani masalah dan membendung pengaruh merokok dalam kalangan murid sekolah dan mengkaji keberkesanan intervensi Gula-gula Cengkik (GC). Kajian ini membabitkan 15 orang murid lelaki tingkatan tiga. Responden kajian ini terbatas kepada murid yang dikenal pasti mempunyai rekod merokok melalui buku rekod disiplin selain mereka secara sukarela menjadi responden kajian. Kajian ini menggunakan kaedah temubual serta menggunakan intervensi GC. Dapatkan kajian menunjukkan tujuh orang murid berhenti merokok, sementara yang lain berjaya mengurangkan penghisapan rokok.

**Kata Kunci:** kawasan berisiko, membendung pengaruh, intervensi gula-gula cengkik

REBRANDING FOR TRENDING  
#KAMIHIGHSCHOOL | KHS 17:20 | #KEKALHEBATSELMANYA  
Zaiazman Bin Mohd Zainuddin@Hilmi  
Pengelua  
SMK Tinggi Kajang, Selangor.

#### ABSTRAK

Secara konvensionalnya pelan pemajuan sekolah digambarkan melalui perancangan strategik mengambil kira semua aspek pengurusan sesebuah sekolah. Namun dalam era ledakan Revolusi Perindustrian Ke-4 (IR4.0), peranti gajet yang mewakili kepantasaran, terkini dan komprehensif mengambil alih sistem pengurusan dalam sesebuah organisasi. Program Rebranding for Trending KHS17:20 merupakan ekstrak daripada perancangan strategik yang kemudian dipersetujui sebagai model pemajuan sekolah. Model ini dibangunkan dengan menggabungkan 4 kluster utama mengikut situasi sekolah iaitu KamiSuperb, KamiInsan, KamiJaguh, dan KamiSiswa yang masing-masing mewakili bidang kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum dan tingkatan enam. KHS adalah simbolik kepada nama asal sekolah ini iaitu Kajang High School (KHS) yang sangat sinonim dengan masyarakat sekitar sejak dahulu hingga kini. Bagi menimbulkan rasa kekitaan, akronim KHS diterjemahkan kepada satu slogan berbaur 'hashtag' iaitu #KamiHighSchool | #KekalHebatSelamanya agar lebih segar dalam arah aliran semasa sehingga menjadi 'trending'. Maka untuk memastikan halatju sekolah sentiasa selari dengan peredaran zaman sekali lagi akronim KHS ini terus diterjemah secara pesat sebagai satu pelan pemajuan sekolah atau lebih tepat Kerangka Halatju Sekolah. Kerangka Halatju Sekolah ini telah dilancarkan dalam satu majlis khas pada April 2017 oleh Penggaris Pendidikan Negeri Selangor dan turut dihadiri oleh pihak-pihak berkaitan termasuk PPD, PIBG, Alumni serta PGB sekolah-sekolah berhampiran. Oleh kerana Kerangka Halatju Sekolah ini adalah estrak kepada Pelan Strategik Sekolah 2017 - 2020 maka terhasilah model Kerangka Halatju Sekolah 2017-2020 (KHS17:20) yang diunjurkan pelaksanaannya mengambil tempoh masa mulai 2017 hingga 2020. 'Key Result Area' KRA sekolah telah dikenalpasti untuk disebar luas melalui pecahan KPI sekolah berdasarkan bidang keutamaan tertentu.

**Kata Kunci:** Rebranding for Trending, perancangan strategik, KamiSuperb, KamiInsan, KamiJaguh, KamiSiswa

#### WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

#### PENGUASAAN KTBM BERSAMA TESAURUS SAYA

Eddie Idris Bin Din @ Ahmad  
Guru Besar  
SK Pendidikan Khas Kampung Baharu, Kuala Lumpur.

#### ABSTRAK

Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) merupakan medium komunikasi penting dalam memahami potensi seseorang Murid Berkeperluan Khas (MBK). Program ini dibuat bertujuan mewujudkan satu usaha berterusan dalam memperkasakan pengurusan KTBM di kalangan MBK pendengaran dan ibu bapa khasnya. Penggunaan KTBM merupakan satu asas komunikasi yang penting dalam kehidupan MBK Pendengaran. Beberapa penelitian, perbincangan dan analisis matapelajaran Bahasa Melayu telah dibuat. Didapati punca utama kemerosotan pencapaian MBK berpuncar daripada penggunaan KTBM. Kaedah amalan terbaik yang dilaksanakan adalah dengan mengadakan kelas pembangunan KTBM dalam kalangan ibu bapa, malah terbuka kepada komuniti setempat umumnya. Program Kata Dasar 5 minit sebelum PDPC serta program penggunaan kata dasar sebelah pagi sebelum kelas bermula turut dilaksanakan. Tiga amalan ini adalah perkara utama dalam penggunaan KTBM dalam kalangan MBK Pendengaran. Setelah 7 bulan selepas penambahbaikan, didapati penggunaan KTBM dalam kalangan MBK adalah satu elemen yang mempengaruhi minat MBK terhadap PDPC dan peningkatan peratusan meningkat beberapa peratus dalam masa perlaksanaan. Walau bagaimanapun masih terdapat kekurangan yang perlu di tambahbaik dalam perlaksanaan program ini supaya ia dapat dijadikan satu program yang menghasilkan impak positif yang lebih berkesan.

**Kata Kunci :** penggunaan, komunikasi, kemerosotan, amalan

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

---

### SEJAYA... JOM LESTARIKAN ALAM

Ahmad Nawawi Bin Sha'ari

Pengetua

SMK Segambut Jaya, Kuala Lumpur.

#### ABSTRAK

Anjakan ketiga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai sangat relevan dalam pendidikan alam sekitar. Kajian Japan International Corporation Agency (JICA), menganggarkan sisa pepejal di negara ini sebanyak 30,000 tan sehari menjadi cabaran yang bakal dihadapi murid hari ini akibat kemunsuhan alam dan berlakunya kesan rumah hijau. Berdasarkan perkara ini, SMK Segambut Jaya mengambil inisiatif mewujudkan program "SEJAYA... JOM LESTARIKAN ALAM" melalui strategi 3R iaitu Reduce (Pengurangan), Reuse (Penggunaan Semula) dan Recycle (Kitar Semula). Program ini melibatkan semua murid, guru-guru dan kakitangan sekolah dengan mengamalkan budaya kurangkan pembaziran, fikir dahulu sebelum buang dan guna semula kitar semula. Antara aktiviti ini ialah budaya pengasingan barang dari kitar semula, audit sisa pepejal, penghasilan produk barang dari kitar semula, pembelajaran merentas kurikulum, pertandingan mengumpul barang dari kitar semula tertinggi, pertandingan bertemakan 3R seperti keceriaan kelas dan khazanah kitar semula. Pembudayaan program ini telah mendapat impak yang mamparn melalui penjanaan kewangan sekolah, melahirkan murid yang kreatif serta inovatif sehingga dapat mengetahui penghasilan barang atau produk dalam pelbagai peringkat pertandingan. Wujudnya program sebegini, diharapkan penghayatan nilai murni melalui kelestarian alam sekitar seperti sikap prihatin, bertanggungjawab, bekerjasama, kesyukuran dan rasa cinta akan alam sekitar dapat dibudayakan dalam kehidupan warga sekolah walau di mana mereka berada.

**Kata kunci:** Lestari Alam, Aspirasi 3R, penghayatan nilai.

### PROGRAM HEBATKAN DIRIMU

Halimi bin Md Rasip

Guru Besar

SK Batu 4(2) Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

#### ABSTRAK

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat mengambil berat mengenai kehadiran murid ke sekolah. Justeru itu, pada tahun 2016 Key Performance Indicator (KPI) peringkat kebangsaan telah ditetapkan pada paras 95 peratus. Berdasarkan data 2017 peratus kehadiran SK Batu 4 (2) Jalan Ipoh Kuala Lumpur adalah 87.53 peratus. Ini bermakna SK Batu 4(2) tidak mencapai KPI kehadiran yang telah ditetapkan oleh KPPM. Lantaran itu, Program 'Hebatkan Dirimu' dilaksanakan sebagai satu usaha meningkatkan peratus kehadiran murid pada tahun 2018. Di samping itu, program ini juga dapat mewujudkan situasi yang harmoni antara guru, ibu bapa dan komuniti. Setelah lapan bulan program ini dilaksanakan peratus kehadiran murid-murid semakin meningkat setiap bulan berbanding tahun 2017. Oleh yang demikian program ini akan diteruskan dengan mengambilnya cabaran semasa dan penambahbaikan agar memberi impak yang lebih baik dan berterusan.

**Kata kunci:** KPI, semakin meningkat, berterusan

### PROGRAM SMART RELIEF

Hayati Binti Hassan

Pengetua

SMK Taman Melati, Kuala Lumpur.

#### ABSTRAK

Melindungi masa instruksional (MMI) merupakan salah satu komponen fungsi pemimpin instruksional dalam menjayakan pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) secara berkesan di sekolah. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah telah melaksanakan program Smart Relief bagi memastikan pengurusan guru relief yang mantap dan menghasilkan murid yang cemerlang serta mempunyai sahsiah mulia. Purata keberadaan guru di sekolah dari bulan Januari sehingga Ogos adalah 88%. Pada bulan Februari, Mac, Julai dan Ogos adalah merupakan waktu keberadaan guru yang paling kritikal sehingga mencapai lebih dari 20 orang guru yang tiada di sekolah disebabkan perlu menghadiri pelbagai program yang dianjurkan di peringkat zon, negeri dan kebangsaan. Objektif program ini diadakan bagi memastikan pengurusan guru ganti lebih cekap dan berkesan. Pelbagai bahan guru ganti disediakan agar PdPc berjalan lancar walaupun guru tiada di sekolah. Program dapat mengungkapkan bakat dan kepimpinan murid sebagai guru muda dalam pengurusan guru ganti secara berkelompok. Program ini juga dapat mengupaya peranan guru bimbingan dan kaunseling ke arah meningkatkan minat murid untuk hadir ke sekolah bagi meningkatkan prestasi akademik. Walaupun terdapat sedikit kekangan dalam perlaksanaannya seperti kekangan tempat dan guru, tetapi melalui kepimpinan teragh yang diamalkan dan jawatankuasa pengurusan relief yang mantap serta pemantauan yang berkesan telah menjadikan program Smart Relief berjaya dilaksanakan dengan baik dan lancar. Program ini juga didapati sangat berkesan menarik minat murid untuk belajar melalui pelbagai kaedah seperti relief Sudut Pidato, Relief Agrotec, dan Relief Vle Frog. Pengecilan Gred Purata sekolah dalam Peperiksaan Percubaan SPM Berjaya dicapai berbanding dengan Peperiksaan Pertengahan Tahun. Program Smart Relief juga diharapkan dapat meningkatkan sahsiah dan jati diri melalui hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar bagi melahirkan keberhasilan murid dalam semua bidang sebagai persediaan awal menghadapi persaingan di peringkat kolej, universiti atau alam pekerjaan.

**Kata Kunci:** Pengajaran dan Pemudahcaraan, Melindungi Masa Instruksional, Pembangunan Modal insan, kepimpinan teragh, Guru Muda.

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

### PROGRAM 3E: EMBRACE, ENGAGE AND ENHANCE IN ENGLISH

Chong Moi Lian

Pengetua

SMK (P) Methodist, Kuala Lumpur.

#### ABSTRAK

Bahasa Inggeris (BI) merupakan bahasa antarabangsa. Salah satu aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah berkemahiran dwibahasa, Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI). Namun analisis PT3 dan SPM 2015-2017 didapati prestasi BI di SMK (P) Methodist telah beransur-ansur merosot mengikut tahun. Justeru, Projek 3E: Embrace, Engage and Enhance in English dijalankan di sekolah pada tahun 2018 bertujuan meningkatkan prestasi BI. Pengetua berperanan sebagai pemimpin instruksional meneraju pelaksanaan projek 3E dengan memberi fokus kepada peningkatan komitmen guru, mentransformasikan program-program sekolah dan pembangunan ekosistem positif serta memperluas perhubungan luar. Sementara guru-guru melaksanakan aktiviti PdP dalam BI yang berimpak. Dengan adanya penetapan matlamat yang jelas, amalan pengurusan program yang sistematis serta pembangunan iklim sekolah yang positif telah meningkatkan komitmen guru dalam pelaksanaan projek sekolah. Aktiviti murid dipantau dan didapati mereka lebih berani dan berkeyakinan berkommunikasi dalam BI. Analisis keputusan BI murid Tingkatan 3 dan 5 dalam ujian dan peperiksaan didapati menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi kualiti. Keputusan tersebut telah melangkuh sasaran yang ditetapkan pada tahun 2018. Projek 3E bukan sahaja dapat merealisasikan kemenjadian murid malah juga membantu peningkatan kualiti sekolah. Projek kecemerlangan akademik sebegini boleh dilaksanakan dengan amalan kepimpinan instruksional yang berfokus bagi semua matapelajaran lain dengan membuat penambahbaikan strategi terhadap kumpulan murid yang bermasalah kehadiran ke sekolah agar setiap murid sekolah ini dapat mencapai matlamat kemenjadian murid yang diharatkan.

**Kata Kunci:** kepimpinan instruksional, sokongan, kemenjadian murid

### DESA PETALING TIGERS

Noor Azizah binti Abd Ghani

Guru Besar

SK Desa Petaling, Kuala Lumpur.

#### ABSTRAK

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, menggariskan hasrat untuk melahirkan murid yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi kemenjadian murid secara menyeluruh merangkumi bidang sahsiah dan koorikulum. Berdasarkan situasi di SK Desa Petaling, pencapaian murid dalam penyertaan aktiviti sukan dan permainan masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Justeru itu, pihak sekolah telah mengambil inisiatif untuk membujarkan pasukan hoki sekolah, yang dikenali sebagai Desa Petaling Tigers. Latihan secara sistematis dan pendedahan yang lebih banyak kepada pelbagai pertandingan mampu meningkatkan keupayaan dan pencapaian pasukan tersebut ke peringkat yang lebih tinggi. Dasar mewujudkan jalinan hubungan kerja yang positif antara sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan pelbagai agensi luar memberikan impak yang optimum kepada Desa Petaling Tigers. Hal ini juga selaras dengan anjakan ke-9 dalam PPPM iaitu bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Walau bagaimanapun masih terdapat lompong-lompong yang boleh ditambahbaiki untuk memperkemas dan memperkasa pasukan Desa Petaling Tigers dan melahirkan pemain-pemain hoki yang mampu mencipta kejayaan yang lebih cemerlang.

**Kata kunci :** cemerlang, kemenjadian murid, kejayaan, ibu bapa, komuniti

### PEMBUDAYAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Teoh Cheng Moi

Guru Besar

SJKC Confucian, Kuala Lumpur.

#### ABSTRAK

Profesional keguruan pada masa ini semakin rumit dan mencabar. Kualiti guru dan kualiti sekolah merupakan tunggang kepada pencapaian prestasi murid. Kualiti guru menyumbang kepada kualiti sekolah dan menjadi satu faktor yang boleh diubah melalui program pembangunan profesionalisme. Komuniti pembelajaran profesional (PLC) merupakan satu proses penambahbaikan sekolah yang memerlukan kepimpinan sekolah dan komunitinya bekerja secara kolaboratif untuk meningkatkan kecemerlangan murid. Justeru fokus PLC tertumpu kepada satu anjakan untuk membudayakan semula konsep pembelajaran dengan memberikan peluang kepada komuniti sekolah terutamanya guru-guru bekerja secara berpasukan, mengutamakan perbincangan, pertambahan ilmu, pertukaran idea dan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengenalpasti matlamat, visi, misi dan seterusnya mengaturkan pelan tindakan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Maklum balas secara pra dan pos juga dijalankan bagi mengenal pasti sejauhmana pemimpin boleh mengupayakan warga guru menerusi tahap profesionalisme masing-masing. PLC yang dijalankan sangat berguna untuk guru memperkembang profesionalisme secara kendiri dan secara beransur maju ke arah menjadi seorang pengamal reflektif. Model penyelidikan tindakan yang beransur maju supaya mudah dilaksanakan oleh guru adalah dicadangkan supaya membolehkan guru mengamalkannya dalam bilik darjah.

**Kata Kunci:** komuniti pembelajaran profesional (PLC), pengajaran, pembelajaran, kualiti guru.

**MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE (MYPIB)**

Mohd Zarrawi Ravi bin Abdullah  
Pengetua  
SMK Putrajaya Presint 9(2), Putrajaya.

**ABSTRAK**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menggariskan 6 ciri utama yang perlu ada pada setiap murid agar mampu bersaing di peringkat global iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, identiti nasional, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa serta etika dan kerohanian. Ciri-ciri yang digariskan merupakan ciri-ciri yang terkandung di dalam prinsip dan konsep MYPIB yang menepati piawaian sistem pendidikan antarabangsa. MYPIB memberi penekanan kepada penglibatan murid di dalam aktiviti-aktiviti yang memberi platform kepada murid untuk bersifat ingin tahu, berfikiran antarabangsa dan menggunakan pemikiran aras tinggi. Ini bagi menyediakan murid bersaing di era globalisasi untuk menghadapi cabaran abad ke 21. Di SMK Putrajaya Presint 9(2), MYPIB telah dilaksanakan selama tiga tahun dengan tiga aktiviti utama pelaksanaan Personal Project, Service as Action dan Differentiated Learning. Personal Project merupakan penghasilan mini thesis yang dihasilkan dengan mematuhi prosedur sistematik melalui dokumen yang disediakan oleh International Baccalaureate Organization yang berpangkalan di Geneva, Switzerland. Manakala Service as Action merupakan aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh murid pada setiap tahun dan setiap murid perlu menulis refleksi setelah selesai menjalankan aktiviti Service as Action. Differentiated Learning pula merupakan pelbagai kaedah dan strategi yang diaplikasikan oleh guru bagi memenuhi pelbagai kecenderungan dan kecerdasan murid dan didokumentari oleh guru. Diperlukan 3 aktiviti utama yang dijalankan di sekolah ini dapat disebarluaskan kepada sekolah-sekolah yang tidak menjalankan MYPIB kerana kesan positifnya di dalam membentuk minda antarabangsa di kalangan murid.

**Kata kunci:** Middle Years Programme, PPPM, era globalisasi, cabaran abad ke 21 dan minda antarabangsa

**PAHANG**

**PROGRAM TEACHING 2GETHER**

Vehni Sellavarajah  
Guru Besar  
SJK (T) Ladang Selborne, Pahang.

**ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan tentang amalan baik yang dijalankan oleh pemimpin sekolah serta guru-guru dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik khususnya bagi murid-murid yang belum melepas tahap minimum. Berpandukan impak pelaksanaan transformasi yang terkandung dalam buku Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) bahawa semua murid boleh belajar dan semua murid boleh berjaya jika diasuh dengan cara yang betul. Guru perlu mempunyai harapan yang tinggi terhadap murid tanpa mengira latar belakang serta pencapaian terdahulu. Berdasarkan penyataan ini maka program Teaching 2gether dirancang dan dilaksanakan bagi murid Tahun 6 sebagai rintis kerana pencapaian melepas tahap minimum yang kritikal. Program ini diwujudkan bukan sahaja untuk meningkatkan tahap pencapaian para murid dalam akademik malah untuk meningkatkan mutu pengajaran para guru. Perkongsian maklumat antara dua orang guru dapat meningkatkan tahap penyampaian mereka di dalam kelas. Disamping itu, Program ini juga menekankan penglibatan murid yang aktif dimana para murid dikehendaki untuk berbincang diantara mereka untuk berkongsi maklumat untuk menyelesaikan masalah pembelajaran. Program Teaching 2gether ini juga mengalakkan interaksi dua hala antara guru dengan guru, guru dengan murid dan murid dengan murid. Program sebegini akan diteruskan lagi dengan membuat penambahbaikan terhadap corak pelaksanaannya agar setiap murid sekolah ini akan bergerak sederap dan seirama untuk mencapai kecemerlangan.

**Kata Kunci:** teaching 2gether, melepas tahap minimum, perkongsian maklumat, penglibatan aktif

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

### LAYANGAN ULU CEMERLANG DI MENARA TERJUN

Nor Azman Bin Ismail

Guru Besar

SK Gusai, Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang.

### ABSTRAK

Aspirasi sistem pendidikan negara, berhasrat untuk mengurangkan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar. Pembentangan ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai tahap peningkatan pengurusan di Sekolah Kurang Murid (SKM). Menjadi Guru Besar di sekolah SKM mempunyai beberapa kelebihan dan tidak kurang juga dengan kekangan-kekangan yang berbeza dengan sekolah aliran perdana bukan SKM. Pembentangan mengambil pendekatan yang diplomatik dalam menarik minat dan kesungguhan warga sekolah untuk bersama-sama mengembeleng tenaga, usaha dan keakparan guru untuk meningkatkan dan memulihkan pengurusan kurikulum sekolah yang agak terciplir dan tidak dirus dengan baik sebelumnya. Keadaan geografi sekolah yang terpencil menyebabkan PGB sebelum ini kurang menyahut cabaran dari pihak Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut untuk menyertai pelbagai pertandingan yang dianjurkan. Dalam program ini, saya ingin melahirkan murid yang dapat menyertai pelbagai pertandingan ke peringkat yang lebih tinggi. Kekuatan personali di SK Gusai yang terhad seramai 11 orang guru termasuk guru besar, seorang AKP, 4 pekerja syarikat pemberisian sekolah dan 4 orang pengawal keselamatan bersama wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru digunakan semaksima mungkin untuk bergerak. Kata semangat dan rangsangan hati dengan slogan "Terpercil bukan Terpingir". Guru besar sekadar berpesan sekiranya kita dituruni hujan kita pasti basah bersama. Buat ala kader penatnya sama, buat sehabis baik hasilnya berbeza.

**Kata Kunci:** kekuatan personal, menyahut cabaran, bersatu hati

### MUTIARA RIMBA

Halimaton bt Hashim

Guru Besar

SK Lanai, Raub, Pahang .

### ABSTRAK

Mutiara Lanai merupakan satu program yang melibatkan ibu bapa dan komuniti. SK Lanai merupakan sekolah orang asli yang terletak di kawasan pedalaman. Berdasarkan data 2016, kehadiran ibu bapa terhadap perlaksanaan program amat tidak menggalakkan. Sikap ibu bapa yang kurang peka terhadap perkembangan sistem pendidikan menjadikan mereka kurang menyokong aktiviti sekolah. Sarana ibu bapa merupakan satu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan sekolah untuk melahirkan insan yang berkualiti dari segi kemenjadian murid. Program yang dilaksanakan ini secara tidak langsung akan dapat menyebarkan pelbagai pengetahuan dan maklumat yang memberi impak yang besar terhadap kecemerlangan sekolah. Guru besar cuba membentuk satu pasukan yang baik dan cemerlang bagi mencapai matlamat dan wawasan yang disasarkan melalui Program Mutiara Rimba . Program ini diharapkan mampu menyedarkan ibu bapa dan komuniti setempat bahawa pelbagai kejayaan dan lonjakkan akan dicapai jika mempunyai gandingan yang mantap daripada pelbagai pihak.

**Kata Kunci:** penglibatan ibu bapa, komuniti, kerjasama, kemenjadian

### CERIA BANTU

#### (KEIKHLASAN, GEMBIRA, BERMINAT MEMBANTU)

Mohd Sabri Bin Jaafar

Guru Besar

SK (LKTP) Tembangau 1, Bera, Pahang.

### ABSTRAK

Aspek penambahbaikan sekolah merupakan perkara yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Penambahbaikan sekolah adalah berkaitan dengan aktauntabiliti dan kecekapan pihak pemimpin sekolah menuaikan tuntutan pihak pemegangtaruh, masyarakat, khususnya ibu bapa murid yang menuntut di sekolah terhadap pencapaian dan kemenjadian anak-anak mereka. Program penambahbaikan sekolah merupakan perancangan pada peringkat sekolah. Program penambahbaikan di SK (LKTP) Tembangau 1 merupakan program menitikberatkan kepada pembangunan insaniah murid. Ceria Bantu dirancang berdasarkan keperluan sekolah untuk membentuk dan mendidik murid supaya mempunyai kehendak untuk membantu antara satu sama lain. Budaya suka membantu perlu dipupuk kepada murid pada peringkat awal lagi agar mereka dapat berkembang dengan seimbang. Kebiasaanannya murid sentiasa dititikberatkan menguasai terutamanya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum. Namun dengan adanya program Ceria Bantu ini, murid dapat didedahkan dari peringkat awal lagi tentang kepentingan keikhlasan, sentiasa gembira dan berminat membantu dikalangan warga sekolah. Penerapan nilai kerohanian ini dapat mengubah sikap dan keyakinan diri murid untuk berhadapan dengan cabaran masa hadapan. Ceria Bantu juga dapat membentuk semangat kekitaan, kerjasama dan mempereratkan lagi hubungan antara warga dalam sekolah .Amalan ceria bantu ini, jika dipraktikkan akan melahirkan insan yang bersahsiah mulia dan berbudi pekerti yang tinggi. Program Ceria Bantu ini dapat meningkatkan kehadiran murid ke sekolah dan mengurangkan masalah disiplin dikalangan murid. Dengan pelaksanaan program ini iklim sekolah telah berubah dengan sikap dan kenignan murid membantu antara warga sekolah. Kefahaman murid terhadap program ini secara tidak langsung dapat mendidik keseronokan membantu yang berat menjadi ringan dan yang susah menjadi senang.

**Kata Kunci:** keikhlasan, gembira, berminat, hubungan yang erat, sekolah ceria

## KOLOKUM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

---

### TAZKIYATUN NAFS

Hajah Zuraidah Binti Abu Bakar

Guru Besar

SK LKTP Jengka 7, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.

### ABSTRAK

Program Tazkiyatun Nafs (Pembersihan Jiwa) adalah program harian yang disusun oleh Panitia Pendidikan Islam dengan kerjasama Unit Bimbingan Kaunseling dan Unit Kecemerlangan SK LKTP Jengka 7. Program ini buat kali pertamanya dijalankan pada tahun ini dan akan diteruskan pada tahun-tahun berikutnya. Apabila dilihat, terdapat beberapa permasalahan yang telah berlaku di kalangan murid, contohnya keruntuhannya akhlak, kekerapan ponteng sekolah, mengabaikan kerja sekolah, tidak menunaikan solat dan seumpamanya. Tujuan dan matlamatnya cukup jelas iaitu untuk merapatkan diri kepada Yang Maha Pencipta, memantapkan sahsiah dan akhlak, membina jati diri cemerlang di dunia dan di akhirat. Pengisian program ini adalah berbentuk tazkirah , bacaan Yassin mingguan, bacaan Al-Quran setiap pagi Selasa dan Kamis, solat zohor berjemaah dan solat sunat Dhuhra setiap hari. Diharapkan dengan pelaksanaan program Tazkiyatun Nafs ini dapat menyumbangkan sesuatu yang baik kepada murid-murid SK LKTP Jengka 7 terutamanya dalam melahirkan murid beridentiti dan berakhlaq mulia.

**Kata Kunci:** sahsiah, akhlak, jati diri

### MEMUJUK JIWA KENTALKAN HATI

Wan Mukhtar Bin Wan Ismail

Guru Besar

SK Segai, Raub, Pahang.

### ABSTRAK

Dunia pendidikan kini penuh dengan cabaran dan dugaan yang perlu diharungi dan ditempuhi dengan matang dan penuh diplomasi. Disiplin dan akhlak adalah tunjang penting dalam melahirkan modal insan yang cemerlang dan menjadi aset pembangunan negara kelak. SK Segai juga tidak terkecuali daripada cabaran dan dugaan tersebut. Justeru itu selaku pentadbir sekolah, saya berusaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan membudayakan akhlak yang disanjung tinggi dalam kalangan murid, guru, pentadbir, ahli kumpulan pelaksana, pekerja swasta dan pengawal keselamatan. Pembudayaan hadir awal ke sekolah merupakan salah satu langkah strategik untuk menghasilkan akhlak yang terpuji dalam kalangan warga SK Segai. Oleh yang demikian, pepatah Kepimpinan Melalui Teladan digunakan untuk menjadi 'rolemodel' kepada warga SK Segai. Dengan meletakkan diri saya sebagai inspirasi untuk menjayakan program dan aktiviti yang dijalankan di sekolah dan sayalah orang yang pertama melakukan perubahan tersebut. Masalah Kehadiran ini merupakan masalah nasional dalam dunia pendidikan kini. Saya mengambil satu langkah untuk melakukan perubahan bersama-sama warga sekolah dalam menyegerakan diri datang ke sekolah. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada atas segala sumbangan yang diberikan kepada sekolah untuk menjayakan program ini. PIBG, Komuniti setempat, ADUN Batu Talam, Pusat Kesihatan Jerusas, orang perseorangan dan semua yang terlibat dalam melincinkan program ini diucapkan jutaan terima kasih kerana sudi berkolaborasi dengan warga sekolah untuk kepentingan anak-anak didik SK Segai.

**Kata Kunci:** keyakinan diri, kasih sayang, pembudayaan akhlak

### PERAK

### DULU TIADA SEKARANG ADA

Zam Ma'mor bin Misiran @ Misiran

SK Ayer Hitam, Teluk Intan, Perak.

### ABSTRAK

Program Dulu Tiada Sekarang Ada dimulakan sejak 1 Oktober 2017 bermula saya ditukarkan ke sekolah ini. Program ini diaspirasikan melalui 5 aspirasi sistem dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan. Program ini memerlukan sokongan kewangan daripada pihak-pihak tertentu bagi merealisasikannya dalam masa yang singkat. Bukan itu sahaja, malah memerlukan guru dan staf yang komited yang yakin dengan kepimpinan guru besar. Kreativiti murid yang telah sedia ada digarap menjadi lebih kreatif dan mempunyai kordinasi yang baik. Persekutuan masyarakat dan ibubapa banyak membantu merealisasikan program ini. Program ini dapat memberikan imej yang tinggi di sekitar daerah Hilir Perak melalui penyertaan dalam pertandingan dan aktiviti. Program ini juga memberi inspirasi kepada para guru besar baharu dalam mencari identiti pengurusan mereka. Seterusnya iaanya juga menjadi contoh kepada sekolah yang terletak di luar bandar agar setanding dengan sekolah di bandar dalam pengurusannya.

**Kata Kunci:** sokongan kewangan, staf komited, bakat dan kreativiti murid.



THE YOUNG MOVING FORWARD ENTREPRENEURS

S.Ruhana Binti Mohd Noor

Pengetua

SMK Kuala Kurau, Kuala Kurau, Perak.

**ABSTRAK**

Matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia(PPPM) 2013-2025 antara lain adalah untuk meningkatkan ekuiti dengan membuka peluang kepada murid yang berbeza dari segi keperluan dan kebolehan untuk mendapatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman melalui pendidikan yang sama rata. Atas kesedaran ini, SMK Kuala Kurau telah mengorak langkah dengan melaksanakan Projek Keusahawanan Perabot kepada pelajar-pelajar aliran PVMA di sekolah ini, sebagai nilai tambah di samping memberi peluang untuk menunjukkan kebolehan, menimba pengalaman dan mempraktikkan kemahiran yang dipelajari mereka di dalam kelas ke arah persediaan spesifik kerjaya masa depan. Projek menaik taraf bilik-bilik khas di sekolah, hasil tangan pelajar-pelajar ini telah mendapat perhatian dan pujian daripada seluruh warga sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah. Penghargaan ini telah mencetuskan motivasi dalam membina keyakinan diri para pelajar PVMA ini serta bersikap lebih positif dalam pembelajaran. Hasilnya, kesemua mereka lulus dalam peperiksaan SPM 2017 dan menyumbang kepada peringkatan GPS dan peratus lulus. Projek menaik taraf Pusat Sumber Sekolah yang diusahakan oleh pelajar PVMA ini telah menjadikan Pusat Sumber SMK Kuala Kurau dinobatkan sebagai naib johan Pusat Sumber Cemerlang negeri Perak. Kini, SMKKK sering dilawati pihak luar untuk perkongsian ilmu. Yang lebih membanggakan ialah apabila beberapa orang bekas pelajar PVMA tahun 2017 ini telah mampu berdiskusi dengan membuka perniagaan sendiri sebagai usahawan kecil perabot dengan mengambil tempahan memasang ‘wainscoating’ di dewan sekolah dan di rumah-rumah. Berdasarkan impak yang amat positif, Projek Keusahawanan Perabot ini akan diteruskan kepada para pelajar PVMA tahun-tahun berikutnya kerana kemahiran ini ternyata mampu membina kerjaya dan menjana pendapatan setelah mereka keluar daripada alam persekolahan nanti.

**Kata Kunci:** peluang menimba pengalaman, mempraktik kemahiran, mencetus motivasi, peringkatan pencapaian

**KEPEMIMPINAN TERAGIH: IMPOSSIBLE IS NOTHING  
CHANGE LANDSCAPE MY SCHOOL**

Kasmiyati binti Katiman

Pengetua

SMK Khir Johari Sungai Sumun Bagan Datuk, Perak.

**ABSTRAK**

Memasuki pertengahan tahun dalam Gelombang 2(2016-2020), pelaksanaan PPPM 2013-2015, semua tenaga kerja pendidikan hendaklah bersama-sama terus mengorak langkah berganding bahu bagi mewujudkan kerjasama padu ke arah memacu dan melestarikan peringkatan pencapaian keberhasilan (outcome) yang diharaskan.Dr. Amin Senin (2018). Sasaran keberhasilan yang disasarkan dalam sistem pendidikan negara ialah kualiti sekolah dan kemenjadian murid. Oleh itu, satu amalan kepemimpinan terbaik perlu saya lakukan untuk membawa perubahan kepada sekolah ini. Amalan terbaik yang saya gunakan untuk mentransform sekolah ini ialah amalan Kepemimpinan Teragih. Elmore (2000) mendefinisikan Kepemimpinan Teragih sebagai melaksanakan tugas kepemimpinan secara bersama dan saling bertanggungjawab ke arah satu matlamat bersama atau matlamat untuk menambahbaik sebuah organisasi. Ini bermakna Kepemimpinan Teragih secara konsepnya boleh dikatakan sebagai kesedian pemimpin untuk berkongsi kepemimpinan dengan orang bawahan secara sukarela membangunkan kapasiti setiap individu di dalam organisasi. Melalui amalan ini, saya berharap akan dapat menyelesaikan isu utama iaitu pencapaian olahraga MSSD dari segi pungutan pingat emasnya tidak mencapai angka 10 pada tahun 2017 dan tahun sebelumnya. Saya percaya dengan amalan ini saya bersedia menyebarkan dan mengagihkan tugas, membuat keputusan, tanggungjawab dan aktauntabiliti demi mencapai matlamat yang sama.Saya berharap melalui amalan ini, pencapaian olahraga dari segi pungutan pingat emas dan keseluruhan akan meningkat dalam masa yang singkat dan seterusnya kejayaan ini akan menyelesaikan isu-isu lain sekaligus membawa satu perubahan yang nyata serta menaikkan kembali imej sekolah ini yang kian merudum dalam semua aspek khususnya Gred Purata Sekolah dan peratus lulus dalam peperiksaan SPM. Namun begitu, masih banyak lagi penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk membawa perubahan yang lebih besar di sekolah ini.

**Kata Kunci:** keberhasilan, kemenjadian murid, kapasiti, memacu, melestarikan

TEPUKAN PERPADUAN

Fadzilah Vijaya Binti Abdullah

SMK Tan Sri Abdul Aziz, Lenggong, Perak.

ABSTRAK

Seni dan budaya tidak dapat dipisahkan dalam proses melahirkan pelajar yang seimbang seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Justeru pada tahun 2016, Sekolah Menengah Kebangsaan Tan Sri Abdul Aziz telah menubuhkan pasukan kompong demi merealisasikan impian tersebut. Pada awal penubuhan, pasukan ini dianggotai seramai lima belas orang pelajar Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Penubuhan pasukan kompong pada peringkat awal hanyalah bertujuan untuk melengkapkan unit kurikulum sekolah. Sebagai suatu anjakan paradigm, pada bulan Ogos 2017 pasukan kompong mula membuka peluang kepada bukan Melayu dengan berpandukan ujian psikometrik dan ujian kecenderungan minat. Pada peringkat awal, hanya dua orang pelajar Cina melibatkan diri dalam pasukan kompong sekolah. Namun, lama-kelamaan dua orang pelajar Cina tersebut menjadi inspirasi kepada pelajar bukan Melayu yang lain sehingga pelajar kaum India turut berminat untuk melibatkan diri dengan pasukan kompong sekolah. Sehingga kini, seramai lima belas orang pelajar Cina dan empat orang pelajar India telah menjadi ahli pasukan kompong dan selebihnya merupakan pelajar Melayu. Demi menjadikan pasukan kompong sebagai lambang kebitaraan SMK Tan Sri Abdul Aziz, maka pihak pentadbir memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi sehingga pelajar bukan Melayu berkeyakinan untuk terus berada dalam pasukan ini. Keunikan peserta yang terdiri daripada pelbagai kaum, tidak cukup untuk menjadikan pasukan ini unik pada pandangan masyarakat luar. Oleh yang demikian, pengetua berhasrat untuk memberikan nafas segar dalam persesembahan kompong dengan menggabungkannya pelbagai peralatan muzik perkusi yang terdiri daripada konga, bongo, djembe, Jidor, Xilofon, drum, gendang cina, tik tok dan tambori. Jurulatih luar turut diundur dalam mengolah dan menggilap kemahiran pelajar demi menghasilkan persesembahan yang mantap. Pada bulan Julai 2018 pasukan ini berjaya menyertai petandingan peringkat kebangsaan dan pada Ogos 2018 di Negara Thailand. November 2018 akan menyaksikan sekolah kerdil ini bertanding peringkat antarabangsa di Arena Of Stars , Genting Hingland.

**Kata Kunci:** kebolehan, perancangan, perpaduan, kemenjadian murid

SEKOLAHKU MARUAHKU

Mohamad Suhaimi bin Talib

Pengetua

SMK Dato' Kamaruddin, Batu Kurau, Perak.

ABSTRAK

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha yang berterusan untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepudu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Berdasarkan analisis data peratus kehadiran murid-murid ke sekolah ini yang rendah, iaitu di bawah 95 peratus setiap bulan dan purata tahun 2016, maka SMK Dato' Kamaruddin, Batu Kurau telah menggarapkan satu program yang strategik untuk meningkatkan kehadiran murid-murid ke sekolah melepas 95 peratus pada setiap bulan. Program ini melibatkan semua murid di sekolah ini yang berjumlah 839 orang pada tahun 2016. Aktiviti yang telah dijalankan di bawah program Sekolahku Maruahu iaitu seperti SOP Kehadiran ke Sekolah, Sentuhan Pengetua, Bantuan Kupon Makanan, Bantuan Kebajikan, peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada murid-murid yang ponteng tegar dan murid-murid yang lain untuk hadir ke sekolah. Program Sekolahku Maruahu ini telah membuktikan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan yang melengkapinya antara satu sama lain ternyata berkesan untuk mengatasi masalah tidak hadir sekolah dalam kalangan murid-murid SMK Dato' Kamaruddin, Batu Kurau Mereka telah menunjukkan trend untuk hadir ke sekolah secara konsisten. Impaknya, kehadiran murid pada setiap hari dan setiap bulan telah menunjukkan pola meningkat secara konsisten, iaitu 95 peratus ke atas yang mencapai sasaran kpi Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017.

**Kata kunci:** Sekolahku Maruahu, tidak hadir ke sekolah, kehadiran 95 peratus ke atas.

MAGIC-Putra: KEMENJADIAN MURID SATU REALITI

Hamizah bt Abdul Hamid

Pengetua

SMK Bandar Baru Putra, Ipoh, Perak.

ABSTRAK

Pencapaian yang rendah dalam kurikulum dilihat berpunca dari markah peringkat penglibatan murid yang rendah dalam aktiviti kurikulum. Kajian berbentuk analisis triangulasi melibatkan pemerhatian, temubual dan rujukan perpustakaan terhadap penglibatan murid dalam projek MAGIC-Putra. Stompers adalah sekumpulan murid yang menggunakan tempurung sebagai unsur utama berserta bahan kitar semula yang lain bagi menghasilkan kombinasi bunyi-bunyian pelbagai alatan muzik disulami nyanyian manakala Putra Art berfokus mereka cipta latar belakang fotografi berunsur tempurung yang unik dan menarik. BBP News pula tertumpu kepada bidang pengendalian majlis dan aktiviti kewartawanan. Kajian Impak program membuktikan projek MAGIC-Putra dapat meningkatkan aspek markah peringkat penglibatan kurikulum ke peringkat kebangsaan dan sekaligus merealisasikan kemenjadian murid mengikut potensi individu. Implikasi tidak langsung pelaksanaan MAGIC-Putra adalah peningkatan kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid. Kesimpulannya, kemenjadian murid SMKBBP menjadi satu realiti melalui MAGIC-Putra seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

**Kata Kunci:** tempurung, pengendalian majlis, aktiviti kewartawanan, kemenjadian murid

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

### AMALAN 3C:CONTOH . CIKGU . CERIA DALAM MEMPERKASAKAN PEMBELAJARAN ABAD KE 21

Marina Binti Masdar  
Guru Besar  
SK Temoh, Temoh, Perak.

#### ABSTRAK

Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK-21) bukanlah satu matlamat dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara. PAK-21 merupakan salah satu cara untuk mencapai apa yang diharapkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diterjemahkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Ianya bertujuan untuk melahir serta membangunkan insan yang seimbang dan sejahtera. Teknologi merupakan komponen terpenting dalam pelaksanaan PAK-21. Namun begitu tanpa teknologi , PAK-21 masih boleh dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang menggalakkan pembelajaran kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan komunikasi. Berdasarkan data yang diperolehi dari pemantauan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti berkaitan pelaksanaan PdP guru di dalam kelas di SK Temoh menunjukkan bahawa guru kurang menguasai pendekatan Pak-21 ketika melaksanakan PdP. Ianya merupakan satu cabaran bagi pembentang sebagai pentadbir yang baru menjalankan tugas. Sebagai penguat kepada laporan JNJK , pembentang melaksanakan pencerapan dan menggunakan data tersebut sebagai perbandingan. Amalan 3C dilaksanakan oleh pembentang bagi melaksanakan perubahan dalam menambahbaik pelaksanaan dan pendekatan PAK-21 di dalam kelas. Pembentang melibatkan semua guru serta data pencerapan kendiri juga soal selidik yang melibatkan murid. Fokus amalan 3C ini adalah pembentang sendiri selaku Guru Besar sebagai peneraju serta contoh teladan , guru-guru sebagai model PdP PAK-21 serta infrastruktur asas bagi kelas PAK-21. Amalan 3C dikupas pembentang sebagai satu perancangan dan strategi dalam memperkisasakan PAK-21 oleh guru-guru di SK Temoh. Strategi penyediaan PAK-21 Tool Bag oleh pembentang yang digunakan ketika PdP merealisasikan pendekatan PAK-21 tanpa teknologi. Selain dari pembentang berperanan sebagai peneraju dalam memperkisasakan PAK-21 , beberapa orang guru dipilih sebagai model PAK-21 dengan tujuan menjadi contoh kepada guru-guru lain. Hasilnya PAK-21 dapat diterjemahkan melalui PdP di dalam kelas dan dijadikan amalan oleh semua guru dan pentadbir sekolah.

**Kata Kunci :** memperkisasakan pak-21, pelaksanaan pdp , amalan 3C , strategi

#### PULAU PINANG

### SAHSIAH UNGGUL SEKOLAH SEJAHTERA

Azmi Bin Othman  
Pengetua  
SMK Sungai Acheh, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

#### ABSTRAK

Sebagai pemimpin instruksional tugas memprincipi pembelajaran dan pengajaran merupakan tugas yang menjadi keutamaan. Pemimpin instruksional juga bertanggungjawab penuh secara langsung untuk memastikan sahsiah murid dididik secara terancang. kerana ini termasuk dalam Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Aspirasi Murid yang ke lima, iaitu Etika dan Kerohanian. Oleh hal yang demikian Program Sahsiah Unggul Sekolah Sejahtera dirangka dan dilaksanakan sebagai memastikan sahsiah murid sentiasa terkawal. Peringkat perlaksanaan bulan April program ini dilaksanakan berteraskan tiga modul iaitu, 1. Modul berbudi bahasa; 2. Modul kekesasan diri dan modul Jati diri. Tahun kedua perlaksanaan akan dimasukkan modul menjawai nilai keagamaan. Program ini akan melalui proses kajian, perancangan, penerangan, pembentukan jawatankuasa, perlaksanaan, pemantauan, pelaporan dan kajian semula. Modul-modul tersebut akan diterapkan dalam semua kegiatan sekolah seperti dalam PdPc, kegiatan kokurikulum, perhimpunan dan aktiviti asrama. Modul juga boleh diterapkan secara terasing seperti ceramah, bengkel, usrah atau forum.

**Kata Kunci:** sahsiah unggul, berbudi bahasa, kekesasan diri

### PENGLIBATAN AKTIF SEMUA WARGA SEKOLAH MEMBANTU PENINGKATAN IMEJ SEKOLAH

Lee Kha Luang  
Guru Besar  
SJKC Kuang Yu, Kuala Muda, Pulau Pinang.

#### ABSTRAK

Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, sebanyak 34 peratus sekolah rendah di Malaysia berada dalam kategori sekolah kurang murid (SKM). Sekolah-sekolah yang mempunyai murid kurang daripada 150 orang digolongkan sebagai SKM. Isu masalah kekurangan murid yang berlaku di kebanyakan SKM melibatkan faktor populasi akibat penghijrahan, kelengkapan sekolah, kekurangan guru dalam kekupertuan dan kemudahan infrastruktur. Kaedah pemerhatian, temubual, perbincangan dan analisis data telah dijalankan untuk menentukan isu-isu utama dan punca-punca isu yang berlaku di SJKC Kuang Yu. Dapatkan kejadian keperluan menunjukkan sekolah berdedikasi risiko ditutup dengan penurunan enrolmen murid yang mendadak dan membimbangkan. Justeru, penglibatan aktif semua warga sekolah diutamakan demi meningkatkan imej sekolah sebagai pilihan utama waris di kawasan sekitar sekolah. Program Sinar Kuang Yu dilaksanakan dengan kerjasama dan penglibatan semua warga sekolah secara sukarela. Kempen dan aktiviti promosi untuk menarik waris mendaftarkan anak-anak mereka di bawah Program Sinar Kuang Yu telah berjaya menambahkan bilangan murid di SJKC Kuang Yu pada tahun 2018 dan tahun depan di samping meningkatkan kemenjadian murid.

**Kata Kunci:** penglibatan aktif, pilihan utama, promosi, bilangan murid, kemenjadian murid

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

---

### SAP-B.T.: SISTEM ANALISIS PEPERIKAAN BUKIT TEH

Muhamad Yusri Bin Abd Rashid

Guru Besar

SK Bukit Teh, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

#### ABSTRAK

Sistem Analisis Data Peperiksaan dilihat sangat penting dalam persekitaran hari ini dan berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesan organisasi sekolah. Penggunaan sistem peperiksaan yang bersesuaian dan menepati keperluan sebuah organisasi sekolah memberi kelebihan kepada organisasi sekolah itu merancang dan melaksanakan segala program agar menepati sasaran yang dikehendaki. Kebolehan menganalisis data peperiksaan dengan lebih berkesan dalam kalangan pentadbir dan guru akan memberi kelebihan kepada sebuah sekolah dalam meningkatkan prestasi keseluruhan murid di sekolah tersebut. Justeru itu, pihak pentadbiran SK Bukit Teh, Bukit Mertajam Pulau Pinang, mengambil inisiatif membangun sebuah sistem analisis peperiksaan yang berteraskan keperluan dan kehendak semasa bagi membangunkan murid di SK Bukit Teh. SAP-B.T. (Sistem Analisis Peperiksaan Bukit Teh), merupakan sistem yang digunakan oleh warga SK Bukit Teh dalam mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan merancang program berdasarkan data-data yang diperolehi. Oleh yang demikian, pihak sekolah boleh membuat perancangan lebih awal dengan menepati sasaran utama. Implikasi penggunaan SAP-B.T di SK Bukit Teh, telah membuka ruang kepada pihak sekolah merancang 10 program peningkatan UPSR pada tahun 2017 yang menepati sasaran utama.

**Kata Kunci:** sistem analisis peperiksaan, analisis data, perancangan program

### TRANSFORMASI SKBLKU HEBAT #RAS

Nazzatul Ashima Binti Abdul Rahman

SK Bayan Lepas, Pulau Pinang.

#### ABSTRAK

Allah S.W.T berfirman dalam Al-Quran bahawasanya hendaklah berpegang teguh pada tali Allah dan janganlah berpecah – pecah. Antara cara untuk menyatukan Umat manusia ialah dengan mengimarahkan masjid/musolla kerana itulah tempat pertemuan dan perkara pertama yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W ketika berhijrah ke Madinah iaitu membina masjid. Musolla berperanan sebagai wahana untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran bidang ibadah dan akhlak Islamiyah Pendidikan Islam di sekolah. Musolla Raudah Assakinah (RAS) menjadi nadi utama bagi program-program keagamaan yang dilaksanakan di sekolah seperti Sambutan Maaf Hijrah, Maulid al – Rasul, Sambutan Peristiwa Isra' Mikraj, Program solat Hajat, Program Motivasi Diri, Kemi Bestari Solat, Solat Zohor berjemaah dan sebagainya. Peranan musolla bukan hanya tempat kegiatan keagamaan dan aktiviti kurikulum sahaja tetapi boleh memperkuuhkan lagi pemahaman teori yang diajar di kelas dan dimantapkan dengan penghayatan amali yang betul dan sempurna di Musolla Raudah Assakinah (RAS). Musolla Raudah As - Sakinah (RAS) dilihat boleh mengukuhkan lagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan terutamanya dalam kesepadan pemahaman teori dan praktikal. Musolla Raudah Assakinah (RAS) juga berperanan sebagai pusat segala kegiatan-kegiatan lain di sekolah. Justeru Musolla RAS boleh berperanan sebagai "makmal pendidikan rohani" seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Kata Kunci :** musollaku hebat ibadahku mantap

### PENJENAMAAN MEMACU KECEMERLANGAN SEKOLAH

Pengetua

Sanggaranahan AAL Govindasamy

SMK Air Itam, Pulau Pinang.

#### ABSTRAK

Penjenamaan SMK Air Itam sebagai SMART adalah usaha sistematik untuk membentuk budaya sekolah dengan memberikan identiti yang tersendiri kepada sekolah. Dapat daripada perhatian dan kajian persekitaran menunjukkan persepsi negatif yang tebal dalam kalangan penduduk sekitar terhadap sekolah. Sehubungan dengan ini penjenamaan SMK Air Itam sebagai SMART berupaya memberi imej baru dan positif kepada pelajar,guru, ibu bapa dan komuniti. Konsep SMART memberi penekanan kepada 2 aspek kemenjadian murid iaitu penampilan fizikal pelajar dan pembangunan keupayaan intelek pelajar. SMART ini seterusnya dintegraskan dengan nilai kehidupan (core values) bagi kedua-dua guru dan murid supaya berada di landasan yang selari dengan falsafah pendidikan negara . Pelaksanaan penjenamaan ini merujuk kepada langkah promosi konsep, penggunaan simbol SMART pada pakaian sekolah, peralatan tulis, stiker kenderaan guru, staf dan pelajar. Dalam pada itu, nilai-nilai SMART juga turut diterapkan melalui proses PdPc, aktiviti koakademik, kurikulum dan aktiviti bersama komuniti. Impak daripada penjenamaan ini pastinya akan mengambil jangkamasa yang panjang untuk dinilai namun unsur-unsur penghayatan jenama ini sudah dapat diperhatikan dan kejayaan sekolah sebagai Johan Kebangsaan dalam Pertandingan Kawad Kaki Pesta Beyond Peringkat Kebangsaan 2018 menjadi penggerak kepada SMART.

**Kata Kunci :** penjenamaan, SMART, imej, kemenjadian murid

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

### MH 8994-MELARIK TUJUH KECERDASAN MENGGAMIT KEHADIRAN

Ramli bin Abd. Rahim

Pengetua

SMK Dato' Haji Hassan Noh, Penaga Pulau Pinang.

#### ABSTRAK

Faktor keberadaan murid di sekolah amat signifikan dengan kelestarian sekolah. Apabila sebuah institusi berpengaruh dalam pembentukan hala tuju remaja gagal menggamit mereka untuk berdamping seiringan maka sesuatu yang drastik dan kreatif perlu dilaksanakan. Pendekatan psikologi dan roh murid perlu dilarik. Bagaikan radar yang mengawal keberadaan murid, paksi dan radiasnya perlu berfungsi untuk mengawal orbit keberadaan murid. Doktrin silam yang rigid, konservatif dan kurang mesra pelanggan perlu dileraikan melalui daya pemikiran luar kotak fleksibel agar pembinaan generasi ke arah Revolusi Industri 4.0 dapat diterjemahkan. Kajian menunjukkan minat murid untuk hadir ke sekolah berbunga dan mekar sekiranya medan magnet sekolah mampu mengekang tarikan dominan luar dan asakan eksklusif mereka. Dapatkan awal ini dijana bagi menggamit mereka untuk hadir ke sekolah. Data kehadiran murid dan tret personaliti mereka dikaji secara deskriptif. Faktor persekitaran juga turut menyumbang kepada tumpulnya minat untuk hadir ke sekolah. Memperagakan gaya eksklusif untuk merejam tekanan emosi dalam jiwa mereka. Justeru projek ini dirangka dengan teliti bagi meningkatkan minat mereka untuk hadir ke sekolah.

**Kata Kunci :** kelestarian sekolah, keberadaan murid, pembinaan generasi, putaran orbit.

#### KEDAH

### FROM BOTTOM TO TOP

Salma binti Ismail

Guru Besar

SK Siputeh, Kedah.

#### ABSTRAK

Program Panahan Cemerlang bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang memanah. Projek ini mengkhususkan semua ahli kelab memanah SK Siputeh dalam melahirkan atlet memanah yang berupaya bersaing di peringkat kebangsaan. Atlet memanah dipilih berdasarkan bakat dan keupayaan dalam menjalani latihan yang berterusan. Kesungguhan atlet dalam menjalani latihan menjadi satu titik tolak kepada kejayaan Program Panahan Cemerlang. Kemampuan dan kesungguhan jurulatih dan semua guru serta pihak pengurusan SK Siputeh dalam mengerakkan program ini menjadi peneraju utama dalam mencapai kecemerlangan sehingga ke peringkat kebangsaan. Pengiktirafan, kejayaan dan anugerah yang telah diterima menjadi kebanggaan seluruh warga SK Siputeh. Semoga usaha keras ini akan berterusan dan menjadi ikutan oleh sekolah – sekolah lain dalam mencapai kegemilangan dalam sukan memanah.

**Kata Kunci :** memanah, usaha berterusan, kesungguhan, ikutan

### PROGRAM BIJAK SIFIR PAKAR SIFIR

Kamarulzaman Bin Che Nik

Guru Besar

SK Gerigis, Alor Setar, Kedah.

#### ABSTRAK

Program Bijak Sifir Pakar Sifir merupakan satu program yang berimpak tinggi yang dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Gerigis. Program ini dirancang serta dilaksanakan untuk mengatasi masalah pencapaian murid murid dalam menguasai semua kemahiran dalam mata pelajaran Matematik. Berdasarkan Kepada Keputusan Pentaksiran Akhir Tahun 2017 dan hasil daripada mesyuarat post mortem didapati penguasaan murid murid dalam mata pelajaran matematik sangat membimbangkan terutama murid tahun 2 hingga tahun 6. Masalah utama yang dikenalpasti ialah murid tidak menguasai sifir 2 hingga 12. Oleh itu, Panitia Matematik telah mengambil tindakan dengan melancarkan Program Bijak Sifir Pakar Sifir bagi mengatasi masalah tersebut. Program ini melibatkan kerjasama antara rakan sebaya, waris dan juga guru(mentor). Sepanjang Program ini murid akan menghafal sifir bersama rakan, kemudian di hadapan waris dan akhir sekali di hadapan mentor. Murid yang berjaya menghafal sifir 2 hingga 12 akan dianugerahkan dengan lencana pakar Sifir. Program ini telah berjaya mencapai objektif dan berpotensi manjadi amalan di sekolah. Selain itu, projek ini secara tidak langsung memotivasi dan memberi inspirasi kepada murid tentang perlunya menghafal sifir supaya penguasaan dalam matapelajaran matematik meningkat.

**Kata Kunci:** Kemahiran,menghafal, Kerjasama, anugerah

PROGRAM LANDASAN GEMILANG (PLG):  
MENINGKATKAN KEHADIRAN MURID KE SEKOLAH  
Ayob Khan bin Ahmad  
Pengetua  
SMK Sungai Kob, Kulim, Kedah.

#### ABSTRAK

Mempertingkatkan pembangunan modal insan adalah teras utama dalam RMK 11 (2016-2020). Modal insan bertaraf dunia bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi tetapi juga fleksibel dan kreatif, serta memiliki etika kerja positif dan nilai-nilai rohaniah. Program Landasan Gemilang (PLG) dilaksanakan untuk meningkatkan kehadiran murid ke sekolah di SMK Sungai Kob, Kulim. Reynolds dan rakan rakan (1994) menyatakan dua dimensi asas kajian keberkesanannya sekolah adalah saiz kajian dan sejauh mana dapatan kajian dapat digunakan untuk intervensi (Sharifah Md Nor, 2000). Program PLG ini menggunakan sampel besar iaitu melibatkan keseluruhan murid kerana hasil dapatan dapat digeneralisasikan kepada semua. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kehadiran murid dengan menawarkan peneguhan. Berdasarkan teori Skinner, peneguhan boleh bersifat positif dan negatif. Intervensi yang digunakan dalam program ini ialah lawatan skuad anti ponteng (SAP), pemberian sijil penghargaan dan ganjaran akhir tahun. Skuad anti ponteng terdiri dari waris murid dan para guru. Sijil penghargaan diberi secara individu dan keseluruhan kelas. Sijil penghargaan diberi melalui dua fasa iaitu Januari-Mei dan Jun-Okttober. Manakala ganjaran akhir tahun dibuat dalam majlis apresiasi kehadiran penuh. Jumlah ganjaran bernilai RM 5000 melalui sumbangan pihak sekolah dan PIBG. Instrumen utama yang digunakan untuk mengumpul data dalam program ini ialah pemerhatian berstruktur, analisis SWOT dan analisis dokumen. Impak program ini menunjukkan terdapat peningkatan jumlah kehadiran ke sekolah yang signifikan dalam kalangan murid melalui intervensi-intervensi yang dijalankan dari 87.13 peratus (2016) kepada 92.99 peratus (2017). Walau bagaimanapun, untuk meningkatkan kehadiran murid ke sekolah tidak boleh bergantung semata-mata kepada intervensi diatas. Kesedaran, kerjasama dan ketegasan dari ibu bapa memainkan peranan penting bagi membina motivasi intrinsik untuk meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. Faktor sosioekonomi turut memainkan peranan penting mempengaruhi kehadiran murid. Oleh yang demikian, dicadangkan jumlah peruntukan perlu ditambah supaya pemberian hadiah dan ganjaran boleh ditingkatkan lagi bagi menarik perhatian murid-murid. Sehubungan itu pihak sekolah dan PIBG perlu mengerakkan ahli mencari sumbangan dari pihak swasta dan orang perseorangan. Jumlah keanggotaan SAP yang aktif perlu ditambah dalam kalangan ahli PIBG. Melalui cara ini gerakan menggesa murid-murid ponteng akan bertambah meluas di setiap kawasan.

**Kata kunci :** sistem ganjaran, skuad anti ponteng, sijil penghargaan.

#### AL-HIDAYAH DIHATIKU

Mohd Khairi Bin Musa  
Guru Besar  
SK Seri Kuala, Kota Kuala Muda, Kedah.

#### ABSTRAK

"Al-Hidayah Dihatiku" merupakan program berkaitan pengimaranan surau yang menjadi pusat gerakan berkaitan bimbingan, rakan pendidikan dan adab berkaitan kehidupan seperti diamalkan pada zaman pemerintahan Khalifah-Khalifah Islam selepas kewafatan Rasullullah. SK Seri Kuala akan menerapkan nilai kerohanian dan sahsiah dalam pembentukan akhlak, meningkatkan celiq Al-Quran (Iqra) dan seterusnya melahirkan pemimpin bestari yang menjadi suri teladan dalam kalangan murid. Selain itu, ia juga melahirkan murid yang berani berkommunikasi dengan baik, berkeyakinan dan mempunyai sahsiah terpuji serta dapat meningkatkan prestasi akademik mereka secara tidak langsung. Pencapaian sahsiah dan keperibadian unggul dalam kalangan murid SK Seri Kuala belum mencapai sasaran berdasarkan analisis secara rawak dari kalangan murid, guru dan waris. Diakhir program ini, diharapkan sahsiah dan disiplin murid akan bertambah baik contohnya menjaga kebersihan, mematuhi peraturan sekolah, tidak meninggalkan solat fardhu, mengamalkan budaya memberi salam dan hormat-menghormati semakin subur dalam kalangan murid. Selain itu amalan terbaik ini juga akan melahirkan pemimpin muda yang dapat membantu dalam sebarang aktiviti di sekolah dan dapat memberi sokongan serta motivasi kepada rakan murid-murid yang lain. Perubahan dan suasana ini akan memberi impak terhadap pencapaian prestasi murid dalam sahsiah dan pencapaian Iqra. Kejayaan amalan terbaik ini telah ditambah baik bagi memperkasakan program mentor mentee Iqra secara berterusan dan menjadi satu amalan dan budaya sekolah.

**Kata Kunci:** Khalifah bestari, iqra, mentor mentee, budaya sekolah dan suri teladan.

**PIBK UNGGUL MEMPERKASA SEKOLAH**

Rafieh Bt. Yob

Guru Besar

SK Penghulu Jusoh, Pendang, Kedah.

**ABSTRAK**

Dimensi membentuk iklim sekolah yang positif merangkumi tindakan pentadbir secara tidak langsung untuk memupuk suasana pembelajaran yang kondusif. Menurut Hallinger dan Murphy ( 1985), pentadbir mampu mempengaruhi sikap murid dan guru dengan mewujudkan suatu sistem ganjaran yang memberikan impak pada pencapaian akademik dan usaha-usaha lain yang produktif termasuk kesedian fizikal yang kondusif. Keadaan dan suasana persekitaran di SK Penghulu Jusoh amatlah perlu ditingkatkan dalam mencapai hasrat tersebut dimana hampir 95% keadaan fizikal nya boleh dikatogerican sangat uzur. Data yang dikumpulkan daripada Student Voice, teacher Voice dan Komuniti telah membuktikan. Isu ini bukan agenda sekolah yang boleh dijayakan secara bersendirian. Sehubungan pihak sekolah telah mengambil inisiatif dengan menggunakan SWOT bagi mengenalpasti dan menyelesaikan masalah. Meningkatkan hubungan dengan komuniti adalah salah satu strategi utama yang telah digunakan dengan menggunakan tagline "sekolah siapa anak buah siapa". PIBK telah dilibatkan sepenuhnya dalam usaha meningkatkan persekitaran sekolah yang lebih kondusif dan selamat. Pelbagai program dijanjarkan dan yang sangat berkesan ialah Program Gempak Komuniti bersama Akhbar Sinar. Penglibatan PIBK telah diberi pengiktirafan dengan memperolehi Sijil PIBK Terbaik peringkat Daerah dan Negeri pada Tahun 2018. Sehingga September 2018, 85% SKPJ telah berubah wajah. Kehadiran murid telah ditingkat kepada 95% setiap bulan. Sikap murid telah semakin baik dalam menjaga keceriaan sekolah. Disokong dengan semangat guru –guru serta kakitangan sekolah. Adalah diharapkan program ini akan dieruskan dengan memberi penekanan dalam pdpc dalam merangka hubungan erat untuk menjadikan SKPJ sekolah indah serta berimpak dalam menjana pembelajaran bermakna.

**Kata Kunci:** PIBK, Teori Pembangunan Sistem Ekologi, kelestarian sekolah

**PERANCANGAN STRATEGIK DALAM MEMACU PERUBAHAN SEKOLAH**

Shamsul Bin Yahaya

Guru Besar

SK Kampung Belukar, Pokok Sena, Kedah.

**ABSTRAK**

Tiap sekolah haruslah mempunyai Perancangan Strategik tersendiri, dirancang bagi menghadapi hala tuju untuk tempoh 5 tahun. Menjadi tanggungjawab kepada pengurus sekolah sebagai ketua organisasi untuk merangka satu pelan yang bersesuaian agar sekolah mencapai sasaran seperti mana yang ditetapkan hasil daripada perbincangan bersama warga sekolah. Bagi Sekolah Kebangsaan kampung Belukar ia mempunyai beberapa isu yang perlu ditanggani terlebih dahulu untuk memastikan sekolah ini kekal relevan. Antara isunya ialah latar belakang pelajar-pelajar ini yang hadir daripada masyarakat petani dan penoreh getah, faktor perubahan pucuk pimpinan sekolah juga berlaku. Bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Padang Terap yang melihat bahawa sekolah ini masih gagal memenuhi harapan agar menjadi antara peneraju utama dalam pendidikan daerah ini sejak dengan status sekolah ini sebagai salah sebuah sekolah yang mempunyai pelajar yang ramai. Bagi menanggani isu-isu tersebut maka Perancangan Strategik (Semakan) dilakukan. Perbincangan dengan warga sekolah dilakukan bagi menetapkan program-program yang dilaksanakan. Hasilnya impak yang berlaku adalah menakjubkan dalam tempoh 8 bulan pertama pelaksanaannya iaitu dari segi Kurikulum, Hal Ehwal Murid , Kokurikulum dan beberapa aspek lain lagi. Harapan yang disandarkan adalah semoga terus menjana iltizam warga sekolah untuk terus mencapai kejayaan serta membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa agar sekolah ini terus berjaya bukan setakat di peringkat daerah namun ke peringkat negeri , kebangsaan dan antarabangsa dengan potensi yang dimiliki sekolah ini.

**Kata Kunci:** Kerjasama dan iltizam

**MENUJU PODIUM**

Mejar Mohd Nazri Bin Saad,PK,PS,PPA  
Guru Besar  
SK Padang Lumat, Kedah.

**ABSTRAK**

Bidang Pendidikan Khas sering dikategorikan tiada masa hadapan. Sebagai pentadbir, saya tidak mahu meminggirkan mana-mana murid serta perlu mengambil inisiatif merangsang murid-murid berkenaan dengan program yang dikenali sebagai Program Menuju Podium (PMP). Program ini adalah kombinasi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dengan murid arus perdana bagi memastikan kemenjadian murid-murid PPKI di dalam bidang kokurikulum setaraf dengan pelajar aliran perdana. Matlamat program bertujuan mengembangkan potensi murid dan meningkatkan keyakinan mencipta juara seperti murid yang normal. Hasil pemerhatian yang dilakukan di sekolah pada peringkat awal, kewujudan murid-murid PPKI di sekolah ini kurang diberi perhatian. Impak negatif terhasil. Kelompongan inilah menyebabkan saya mengambil inisiatif mewujudkan program amalan kecemerlangan kepada murid-murid PPKI bagi memastikan berlakunya lonjakan keyakinan diri dan pencapaian murid-murid berkenaan di dalam bidang kokurikulum sukan dan olahraga. Di samping itu, dapat membantu murid-murid PPKI membentuk potensi diri menjadi insan yang cemerlang dalam kehidupan, berjaya kental dan boleh menyumbang kepada kecemerlangan sekolah, masyarakat dan negara. Program Menuju Podium merupakan satu pertas bagi menggilap potensi murid tersebut. Murid-murid berkenaan diberikan peluang bersaing dengan pelajar aliran perdana dalam bidang kokurikulum. Kehadiran mereka dalam khalayak ramai dapat memupuk sikap yakin diri, bijak berinteraksi dengan rakan-rakan arus perdana. Berkolaborasi secara bersama warga sekolah dan komuniti setempat. Hasil daripada program ini, telah membuktikan murid-murid berkenaan mampu berjaya sebagaimana murid aliran perdana. Kejayaan mereka bersaing di peringkat negeri dalam acara petanque dan kebangsaan dalam olahraga membuktikan amalan keterbukaan ini telah berjaya. Justeru, kita tidak boleh meminggir murid-murid istimewa ini kerana Howard Gardner (1983), menyatakan manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan yang merangkumi pelbagai kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semulajadi. Impaknya berjaya memenuhi standard 5.2 dalam SKPMg2. Oleh itu, sebagai pentadbir, tindakan yang bijak adalah bertindak mengupayakan semua murid mengikut kecenderungan mereka.

**Kata Kunci:** murid-murid ppki, Program Menuju Podium (PMP), kemenjadian murid, potensi, multiple intelligence, SKPMg2

**TERENGGANU**

**PROGRAM U.N.I.C: MENINGKATKAN KEMENJADIAN MURID KGB**

Abu Bakar bin RA Mohd Abdullah

Pengelua

SMK Kompleks Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu.

**ABSTRAK**

Hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk membangunkan murid dengan Enam Aspirasi: Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian serta Identiti Nasional perlu direalisasikan. Berasaskan data kes salah laku yang tinggi, peratus kehadiran yang rendah serta pencapaian akademik yang belum memberansangkan,maka SMKKGB menyahut cabaran tersebut dengan memperkenalkan program U.N.I.C(You & I Cakna) melalui pendekatan Usrah Nurani Insan Cemerlang. Program ini melibatkan semua murid seramai 1055 bersama 89 orang guru, yang dibahagikan kepada 83 kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 10 hingga 13 orang merangkumi semua tingkatan. Seorang Naqib(ketua) dipilih daripada ahli kumpulan yang dibimbing oleh seorang Murabbi(guru) bagi mengendalikan aktiviti kumpulan yang diadakan dua minggu sekali selama 40 minit. Antara fokus aktiviti ini ialah tentang budi bahasa, penampilan diri, jati diri dan mengamalkan syariat Islam.Keprihatinan guru-guru dan naqib naqib dalam mengurus dan mengendalikan aktiviti serta kecaknaan yang tinggi meningkatkan kejelekitan hubungan sesama ahli serta mempengaruhi iklim sekolah. Setelah setahun program ini dijalankan telah mengurangkan kes salah laku, meningkatkan peratus kehadiran serta menampakkan peningkatan dalam peperiksaan SPM 2017. Walau bagaimanapun masih terdapat lompong-lompong yang boleh ditampung untuk memperkemas lagi program tersebut agar dijadikan budaya oleh warga sekolah.

**Kata kunci :** enam aspirasi, usrah, naqib, murabbi,kejelekitan

**TVPSS GONANG: BUKAN SEKADAR BICARA**

Sukni Hisham bin Umar

Guru Besar

SK Gong Nangka, Terengganu.

**ABSTRAK**

Dalam usaha mengejar dan mencapai kecermerlangan sesebuah sekolah, kepimpinan guru besar sering dilihat sebagai fokus utama. Guru besar (GB) berperanan sebagai peneraju, pembimbing dan pendorong dalam memacu keterbilangan sekolah. Dapatkan-dapatan yang ditemui dalam penyelidikan tentang keberkesanannya sekolah juga menunjukkan pentuan utama bagi kejayaan sesebuah sekolah adalah kepimpinan yang diturunkan oleh GB. Ini bererti bahawa GB sering dilihat sebagai punca masalah atau sebagai penyelesaian masalah dalam pelaksanaan program pendidikan ke arah merealisasikan sekolah yang cemerlang. Sebagai pemimpin perubahan, GB dengan dibantu pasukan School Leadership Team (SLT) sentiasa berbincang untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan ke arah membina budaya dan identiti Sekolah Kebangsaan Gong Nangka (SKGN) selaras dengan status sekolah ini sebagai Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) 2.0. Hal ini sejajar dengan satu daripada Cabaran Gelombang Kedua PPPM 2016-2020 iaitu Inovasi dan Kreativiti. Program TVPSS Gonang "Bukan Sekadar Bicara" yang diwujudkan di Sekolah Kebangsaan Gong Nangka adalah merupakan salah satu identiti sekolah yang dapat melahirkan kemenjadian murid iaitu murid-murid lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dan lebih kreatif menggunakan teknologi-teknologi terkini di samping menjadi tempat pengajaran dan pemudaharaan guru-guru yang menyeronokkan. Selain daripada itu, kewujudan Program TVPSS Gonang ini juga telah membuka mata pelbagai pihak bahawa murid-murid seawal usia 9 tahun juga boleh didekah dengan atas pengucapan awam dan juga dapat dikembangkan bakat mereka ke arah yang lebih bermakna.

**Kata Kunci:** kepimpinan guru besar, Program Sekolah Transformasi, bukan sekadar berbicara, kemenjadian murid

**E-KEHADIRAN MOBILE**

Anuar bin Ishak

Guru Besar

SK Pelong, Setiu Terengganu.

**ABSTRAK**

Perkembangan teknologi terkini dilihat semakin maju dalam pengurusan pelbagai bidang. Untuk menjadikan sesebuah organisasi lebih maju dan berdaya saing, kita tidak boleh lari dari penggunaan teknologi terkini dalam pengurusan organisasi. Menyedari hakikat ini, Sekolah Kebangsaan Pelong telah mengambil pendekatan membina sebuah sistem rekod kehadiran guru dan kakitangan secara 'online' menggunakan telefon pintar. Memandangkan semua guru dan kakitangan sekolah mempunyai telefon pintar, sistem ini telah dilihat antara sistem yang paling berkesan dan mudah digunakan sebagai sebuah sistem perekodan kehadiran harian. Semua warga sekolah boleh merekod kehadiran melalui telefon masing-masing menggunakan aplikasi yang telah dibina sendiri oleh jawatan kuasa inovasi sekolah ini. Selain boleh merekod dimana-mana dalam kawasan sekolah tanpa perlu beratur di kantun pejabat, masa yang diambil untuk proses merekod juga menjimatkan. Sistem ini juga turut menyediakan beberapa bentuk laporan kehadiran termasuk laporan kehadiran individu yang boleh dicetak dan disimpan. Secara keseluruhannya, selain memudahkan pihak pengurusan dalam mengurus rekod kehadiran harian.

**Kata Kunci :** e-Kehadiran, Mobile, Online



**SWAFOTO 'SAWASTYLE': MEMBENTUK ETOS SEKOLAH**

Abu Hasmadi Bin A Bakar

Pengetua

SMK Bukit Sawa, Marang, Bukit Payong, Marang, Terengganu.

**ABSTRAK**

Pembinaan jatidiri melalui pendekatan dan pembentukan gaya swafoto telah mendekatkan hubungan antara pengurusan sekolah dengan murid dan berjaya mengelakkan perasaan autokratik guru terhadap murid. Gelombang teknologi maklumat dan perubahan pesat teknologi masa kini telah diekplotasikan dan berjaya memberi impak positif kepada budaya sekolah sebagai pengurusan sekolah abad ke-21, seterusnya menjana keberhasilan dan impak tinggi organisasi dan kemenjadian murid. Pemerhatian kajian tentang budaya remaja kini, obsesinya terhadap telefon pintar dan kegilaan mereka berswafoto, memuatnaik kedalam media sosial berjaya dimanfaatkan sepenuhnya. Tumpuan kajian ini adalah dimulai melalui penglibatan pengurus sekolah sendiri bersama murid membentuk satu budaya gaya swafoto beridentiti bagi membentuk etos dan jati diri murid. Melalui pembentukan tersebut, semangat kecintaan murid dengan perasaan 'kepuaan' terhadap sekolah mampu memberi impak positif terhadap kemenjadian murid dalam aspek kurikulum, kokurikulum dan sahsiah diri. Amalan ini mendapat impak positif dengan terhasilnya semangat dan jati diri tinggi terhadap sekolah. Murid juga bermingat hadir ke sekolah melalui dapatan kehadiran yang semakin meningkat. Seterusnya pencapaian akademik mula melonjak saban tahun apabila peratus kehadiran tinggi dan masalah ponteng dapat diatasi dengan cemerlang. Perasaan sayang sekolah telah dijadikan wahana dan pemangkin untuk pembentukan diri dan semangat kepuaan serta identiti sekolah berwatak. Hasil juga mendapati, murid-murid sentiasa menjadikan gaya sawa (sawastyle) sebagai satu inovasi, daya penarik rekaan baru T kelas dan sentiasa menjadikannya sebagai bahan untuk cenderahati sekolah. Dapatkan juga mendapati pencapaian akademik sekolah telah melonjak pada peringkat daerah malah sehingga ke peringkat negeri melalui peningkatan gred purata sekolah yang terbaik sepanjang 12 tahun semenjak sistem SPM terbuka diamalkan (2005) dengan pencapaian GPS 4.71 dan kedudukan sekolah pada peringkat daerah ditempat ke empat Daerah Marang dan melonjak ke tempat 41 negeri Terengganu pada tahun 2017 yang sebelum ini SMK Bukit Sawa di tangga 105 (2015) dan tangga 63 (2016). Seterusnya, dari segi kokurikulum juga, kejayaan dalam bidang sukan dan koakademik telah menunjukkan peningkatan ketara sekolah. Lebih-lebih lagi dari aspek sahsiah dan disiplin sekolah pula, pengurus sekolah berjaya menggunakan sumber 'sawastyle' sebagai isu untuk membentuk identiti murid dengan menjadikan ciri dan keutamaan sawastyle adalah berdasarkan disiplin dan sahsiah diri.

**Kata Kunci:** etos sekolah, rasa 'kepuaan', kemenjadian murid

**TAUTAN KASIH-TELEMONG CAKNA BELAKA**

Nik Aliza Bt Wan Mohd Mohayidin

Sk Kuala Telemong, Kuala Terengganu, Terengganu.

**Abstrak**

Salah satu punca mengapa murid-murid yang tidak menguasai numerasi di SK Kuala Telemong tidak menunjukkan kemajuan dalam pembelajaran mereka adalah kerana terputusnya proses pembelajaran selepas mereka pulang dari sekolah. Untuk membantu mereka, pihak sekolah wajar bekerjasama dengan ibu bapa mereka. Guru-guru mestu memberitahu ibu bapa tentang sikap, gaya belajar, dan potensi sebenar murid-murid agar mereka dapat dibantu oleh ibu bapa mereka di rumah selari dengan keperluan sekolah. Justeru, Program Tautan Kasih – Telemong Cakna Belaka dijalankan di SK Kuala Telemong mulai 2017. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian Numerasi khususnya di kalangan murid-murid Tahun 2. Keputusan Saringan 2 LINUS 2.0 (Numerasi) telah menunjukkan peningkatan ketara apabila 100% murid-murid Tahun 2 telah melepas saringan, hanya selepas 2 bulan Program Tautan Kasih – Telemong Cakna Belaka dilaksanakan.

**Kata Kunci:** numerasi, pembelajaran selepas sesi persekolahan, bekerjasama, peningkatan

**EKSPLORASI STEM : IMPAK KEPADA MATA PELAJARAN STEM DAN KEMENJADIAN MURID DI SMK BELARA**

Kamsah@ Kamal Bin Mohamed

Pengetua

SMK Belara, Kuala Terengganu, Terengganu.

**Abstrak**

Projek ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemenjadian murid SMK Belara terhadap mata pelajaran STEM. Dalam merealisasikan tujuan tersebut, saya telah melaksanakan projek STEM Tunnel dan STEM Station. Kemenjadian murid telah diukur melalui pencapaian mereka dalam peperiksaan dalaman dan peperiksaan awam. Selain itu, kemenjadian murid diukur melalui penglibatan aktif mereka dalam bilik darjah, aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan agensi luar. Justeru, saya telah melaksanakan projek STEM Tunnel dan STEM Station dalam meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran STEM. Dapatkan projek menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian dalam peperiksaan dalaman dan peperiksaan awam bagi kebanyakan mata pelajaran STEM. Projek ini juga memberi kesan yang sangat positif bukan sahaja kepada murid, malah guru-guru di sekolah saya juga turut mendapat impak yang sangat besar dalam aspek kreativiti, kemahiran STEM dan keyakinan diri. Dapatkan-dapatkan ini memberi implikasi positif terhadap pelaksanaan STEM di peringkat sekolah .

**Kata kunci:** STEM, STEM Tunnel dan STEM Station

---

**KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**  
**KELANTAN**

**BAKONG'S SMURFS**

Mohamed Fhadhil Bin Hassan  
Guru Besar  
SK Bakong, Kelantan.

**ABSTRAK**

*Bakong's Smurfs merupakan satu program tanaman cendawan tiram yang diusahakan oleh pihak sekolah dengan kerjasama PIBG. Matlamat program ini adalah bagi menambah dana PIBG dan mengeratkan hubungan komuniti dengan sekolah. Kedudukan sekolah di kawasan pedalaman dan status sosioekonomi penduduk yang rendah menghadkan kutipan dana PIBG dan aktiviti sekolah yang hendak dijalankan. Program ini menggunakan blok bangunan dan kantin lama yang tidak digunakan bermula dengan gotong royong guru, AJK PIBG dan murid-murid bagi menyediakan tapak semaihan dan tongkol cendawan. Proses penjagaan cendawan dilakukan oleh PIBG dengan kerjasama guru dan kakitangan sekolah. Penjualan cendawan diuruskan oleh AJK PIBG yang dilantik dan dipasarkan kepada komuniti setempat dan pasar berhampiran. Program ini telah berjaya menyumbang dana PIBG sebanyak RM3000.00 dalam masa dua bulan. Hasil daripada dana ini, pihak sekolah tidak perlu bergantung sepenuhnya daripada yuran PIBG untuk membeli peralatan dan menjayakan aktiviti sekolah. Selain itu, program ini berjaya mengeratkan hubungan PIBG dan sekolah dengan peningkatan kehadiran ibu bapa ke program sekolah daripada 67 peratus kepada 89 peratus. Program ini juga dapat memberi penddedahan awal kepada murid tentang pengurusan keusahawanan dan telah berjaya meningkatkan kecerianan persekitaran sekolah. Bakong's Smurfs diharap akan terus menjadi penyumbang utama kepada dana PIBG dan memberi impak positif kepada murid-murid serta memperkasakan organisasi sekolah dan PIBG. Usaha ini juga bakal membuka lembaran baru kerjasama pihak sekolah dengan agensi luar.*

**Kata kunci:** cendawan tiram, dana,impak positif

**FROM NOTHING TO SOMETHING**

Ashhan B Abdullah  
Guru Besar  
SK Kuchelong, Bachok, Kelantan.

**ABSTRAK**

*Setiap guru besar perlu berupaya menghayati dan menguasai standard kompetensi kepimpinan melalui nilai-nilai profesional yang dimiliki serta amalan terbaik yang dapat direalisasikan dalam organisasi mencakupi kesemua sembilan bidang Standard Kompetensi Kepengetuan Sekolah Malaysia (SKKSM). Melalui slogan keramat 'Bersama Mencipta Kecemerlangan' dikenal pasti sebagai wasilah ke arah pencapaian cemerlang pengurusan serta pemerkasaan Sekolah Kebangsaan Kuchelong. Sebagai peneraju baharu di sekolah harian biasa dengan pelbagai cabaran terutamanya jumlah murid yang semakin berkurangan serta persaingan dan pilihan ibu bapa kepada sekolah-sekolah yang berhampiran. Situasi ini telah memberi kesan kepada pengurusan organisasi sekolah terutamanya perolehan dan pembangunan serta sumber manusia. Program From Nothing To Something yang diterapkan melalui semangat kebersamaan berjaya mencipta kecemerlangan dan kemenjadian murid. Impak program ini juga merangkumi komitmen guru, ibu bapa, anjakan paradigma, motivasi serta penghargaan kepada guru dan murid. Kolaborasi dengan pelbagai agensi serta penglibatan pemimpin setempat dan pemegang taruh turut menjadi suatu nilai tambah kepada konsep From Nothing To Something ke arah kemenjadian murid dan keberhasilan organisasi. Program ini berupaya menarik seluruh warga sekolah dengan pelbagai impak yang positif dalam mencorakkan SK.Kuchelong menjadi sebuah organisasi yang memiliki ciri-ciri daya tarikan yang tersendiri dalam mengurus perubahan ke arah kecemerlangan.*

**Kata Kunci:** mengurus perubahan, matlamat strategik, daya tarikan, kebersamaan, keberhasilan, kemenjadian, kecemerlangan

**FROM ZERO TO HERO**

Azman bin Awang

Pengetua

SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh, Kelantan.

**ABSTRAK**

*From Zero To Hero (FZTH) merupakan satu program yang dirancang oleh pihak pengurusan sekolah bagi menjenamakan 30 pelajar kelas tercorot tingkatan 4 di SMK Bukit Jawa. Realiti karektor pelajar kelas tercorot di SMK Bukit Jawa adalah sinonim dengan sifat dan sikap negatif seperti malas hadir ke sekolah, kerap ponteng semasa pembelajaran (PdPc), tidak berketerampilan dari segi berpakaian, selalu melakukan kesalahan disiplin, lewat hadir ke sekolah, tidak mengamalkan nilai-nilai murni, tidak menjaga kebersihan dan kecerianan kelas, sukar untuk membantu guru, llat untuk solat zohor berjemaah serta tidak tahu hala tuju pembelajaran. Mereka inilah yang menimbulkan suasana dan keadaan yang huru hara di sekolah. Melalui program ini, pihak sekolah telah merangkumkan lima strategi secara bersepudut sebagai kaedah terbaik untuk mengubah karektor yang negatif kepada karektor positif iaitu 3S, Sistem Parol, Be Smart, Jom Solat Zohor Berjemaah dan Belaihan Kasih. Gerakan bersepudut dan kecaknaan semua pihak dalam membudayaan amalan ini jelas mampu mengubah karektor mereka telah menunjukkan beberapa impak iaitu dari segi kehadiran ke sekolah meningkat dari 76.1% ke 84.6%, ponteng PdPc berkurang dari 30.8% ke 4.2%, ponteng solat zohor berkurang dari 24.2% ke 10.0%, tidak memakai pakaian kemas berkurang dari 15.0% ke 9.2%, dan lewat datang ke sekolah berkurang dari 26.7% ke 9.2%. Selain itu, berlaku juga perubahan yang sangat ketara dari segi kebertanggungjawaban pelajar kelas tersebut mengurus kelas sehingga memperoleh anugerah Kelas Ceria peringkat sekolah, menjadi ahli Kelab Pendikir Barat sekolah dan menjadi salah seorang yang mengetua bacaan Yassin sekolah. Program ini akan diaplikasikan kepada kelas-kelas lain pada masa hadapan bagi mengubah karektor murid daripada nilai Zero to Hero.*

**Kata Kunci:** karektor negatif, karektor positif, parol, Re-branding

**CIKGU, TOLONGLAH SAYA**

Zainuzzaman Bin Mohd Noh

Pengetua

SMK Kedai Buloh, Kota Bharu, Kelantan.

**ABSTRAK**

Jemu atau bosan untuk menulis, di samping tidak mahu memerah otak untuk berfikir merupakan suatu fenomena yang membenggu murid dewasa ini. Keadaan ini masih berlaku walaupun mereka akan menghadapi peperiksaan dalam jangka masa yang terdekat, yang akan menentukan masa depan masing-masing. Hal ini ditambah dengan tiada motivasi dan sokongan keluarga yang mengakibatkan kumpulan ini terus hanyut dalam arus persaingan bagi mencapai kejayaan. Fenomena ini tidak terkecualikan juga berlaku di SMK Kedai Buloh. Sebagai contoh, dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) 2018, daripada 70 orang calon yang gagal, seramai 45 orang murid gagal kritisikal (64%), 15 orang murid tidak menjawab soalan peperiksaan (22%) dan 10 orang murid yang tidak hadir semasa peperiksaan (14%). Mata pelajaran yang terlibat ialah Bahasa Melayu dan Sejarah. Lataran itu, suatu program yang dinamakan "Cikgu, Tolonglah Saya" telah dirangka dan direalisasikan di SMK Kedai Buloh bagi melahirkan murid yang lebih bermotivasi yang secara tidak langsungnya akan membebaskan kelompok ini dari belenggu kegagalan. Matlamat program ini adalah untuk meningkatkan bilangan murid yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah serta meningkatkan kehadiran semasa peperiksaan. Kejayaan program ini dapat direalisasikan dengan gabung jalin antara perancangan program yang sistematis, semangat dan kesungguhan murid, kesungguhan guru dalam merangka pelbagai bentuk kaedah penyampaian pengajaran, motivasi yang berterusan oleh kaunselor dan Pentadbir sekolah, sumbangan kewangan oleh PIBG dan guru-guru yang terlibat di dalam program kecemerlangan SPM sekolah. Keberhasilan program ini dapat dikesan melalui keputusan Peperiksaan Percubaan SPM 2018 yang mana peratus gagal menurun kepada 27 orang murid. Daripada jumlah ini, didapati hanya 8 orang yang gagal kritisikal (11%). Kesemua murid yang terlibat dalam program ini telah menjawab soalan peperiksaan dan hanya terdapat 8 orang murid yang masih tidak hadir semasa peperiksaan (11%). Program ini telah menghasilkan suatu impak yang besar terhadap tahap lulus murid bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Program ini secara tidak langsung akan memastikan murid yang terlibat, lulus dan memperolehi sijil di peringkat SPM 2018. Program sebegini akan diperluaskan juga kepada mata pelajaran lain bagi memastikan kejayaan SPM di SMK Kedai Buloh akan melonjak secara keseluruhan.

**Kata Kunci:** kesedaran, kesungguhan, motivasi, kerjasama, kejayaan

---

## KOLOKUIM AMALAN TERBAIK PGB IMMERSION PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

### PROGRAM SINAR IQRA'

Hasliza binti Ahmad

SK Kampung Kerilla, Temangan, Kelantan.

#### ABSTRAK

Aspek kemanjadian murid menjadi impian setiap sekolah dan ibu bapa. Lagipun ianya adalah satu keutamaan dalam PPPM 2013 – 2025. Sinar Iqra' adalah program yang berkaitan dengan gabungan akademik dan pembentukan sahsiah murid yang dilaksanakan oleh SK Kampung Kerilla. Untuk mendapatkan ilmu mestilah bermula dengan amalan membaca. Program ini tercusus setelah melihat murid tidak terkawal selepas mengikuti RMT yang boleh mengakibatkan kepada isu keselamatan dan vandalisme. Program Sinar Iqra' akan menjadikan murid mengisi masa senggang dengan aktiviti yang lebih berfaedah sekaligus menyelesaikan isu vandalisme dan memantapkan keselamatan murid. Program ini akan melahirkan murid-murid yang bersahiasah terpuji dan menjadikan mereka lebih berdisiplin serta menghargai harta benda sekolah. Pada akhir program amalan terbaik ini murid bukan sahaja dapat mengisi masa senggang dengan lebih bermanfaat malah mampu melanjutkan penggunaan tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Perubahan dan suasana ini diharap dapat meningkatkan pencapaian prestasi murid khasnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, NILAM dan LINUS. Program ini diharap dapat membentuk jati diri dan keyakinan murid apabila berhadapan dengan khayalay serta menjadi budaya dalam kalangan warga sekolah khasnya murid dengan kerjasama mantap semua pihak seperti PIBG, PIBK dan komuniti serta masyarakat setempat/luar.

**Kata Kunci:** Sinar Iqra', budaya membaca, masa senggang, keselamatan , vandalisme

### e-RPH : CONNECTING THE DOTS

Sharifah Nor Arinawati Bt Long Ibrahim

Pengetua

SMK Panji, Kota Bharu, Kelantan

#### ABSTRAK

Bermula pada Januari tahun 2018, Majlis Pengetua Sekolah Menengah Cawangan Kelantan (MPSM) telah membuat ketetapan semua sekolah menengah di Kelantan menggunakan Fail Rekod Mengajar. Walau bagaimanapun, timbul beberapa isu yang berkaitan dengan Fail Rekod Mengajar. Antaranya ialah peningkatan kos penggunaan kertas dan dakkat pencetak serta tahap integriti yang rendah dalam penghantaran Fail Rekod Mengajar oleh sesetengah guru setiap minggu untuk semakan pentadbir. Pelaksanaan e-RPH merupakan satu alternatif penulisan BRM secara maya untuk menyelesaikan isu-isu tersebut. e-RPH boleh dilaksanakan melalui akses VLE Frog 1Bestarinet menggunakan pelbagai peranti seperti telefon pintar, iPad, tablet, "notebook" dan komputer. Impak pelaksanaan e-RPH telah dapat mengurangkan kos kertas dan dakkat sebanyak 56.9%, melebihhi sasaran yang ditetapkan serta peningkatan integriti guru dengan peratus penghantaran mencapai 100%. Impak secara tidak langsung pula ialah berlaku lonjakan penggunaan VLE Frog SMK Panji di peringkat PPD, peringkat negeri sehingga ke peringkat kebangsaan. Selain itu, berlaku juga peningkatan tahap penggunaan dan minat guru terhadap ICT. Inovasi ini diharapkan menjadi titik tolak kepada "connecting the dots" pembugaran amalan pembelajaran abad ke-21 di sekolah sebagai mana yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Kata Kunci :** e-RPH, Vle Frog, PAK 21

#### PERLIS

### 1 PENGURUSAN PEMANTAUAN BERINTEGRASI DATA DI AWAN

Mohd Nadzari Bin Baharam

Guru Besar

SK Kampong Serdang, Simpang Empat, Perlis.

#### ABSTRAK

Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) menyasarkan 9 bidang yang perlu dikuasai dan diimplimentasikan oleh seorang pentadbir sekolah. SKPMg2 telah memperincikan lagi tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mencapai kualiti setiap standard yang diharapkan. Setiap usaha dalam mengoperasikan sekolah memerlukan sokongan aplikasi yang relevan dengan teknologi sedia ada agar maklumat yang diterima dapat analisis segera. Data-data pemantauan yang diperolehi melalui pengisian rekod secara manual tidak lagi efektif kerana kaedah tradisional ini melambatkan usaha-usaha untuk menganalisis dan menyebabkan tindakan segera tidak dapat diambil oleh pihak pentadbiran sekolah. Sokongan aplikasi digital yang dapat diakses dengan peranti sedia ada amat memudahkan tugas pentadbir sekolah untuk merekod dan mendapat hasil analisis segera bagi tindakan pembetulan diambil. Teknologi di awan amat bermulaan kerana data-data yang direkod dapat diakses di mana sahaja selagi berada dalam litaran capaian internet, penggunaan kertas dapat dikurangkan dan tidak memerlukan ruang penyimpanan data-data yang telah direkodkan. Pentadbir sekolah dapat membentangkan hasil analisis data yang direkodkan melalui media sosial seperti aplikasi 'whatapps' dan telegram kepada warga organisasinya untuk diambil tindakan pembetulan atau merancang program jangka panjang yang mampu memberi kesan yang lebih positif terhadap iklim organisasi. Pengetua dan Guru Besar masa kini memerlukan sokongan aplikasi yang dapat mengurangkan kekangan dalam menguruskan sekolah yang semakin kompleks dengan pelbagai isu yang dihadapi serta harapan tinggi masyarakat terhadap kemanjadian anak-anak mereka.

**Kata Kunci:** sokongan aplikasi, analisis segera, rancang tindakan pembetulan



**GURU MUDA DAN PROGRAM MERCU JAYA**

Shaharudin B Saad

Pengetua

SMK Padang Besar (U), Perlis.

**ABSTRAK**

Suasana pembelajaran yang menyeronokkan mencetuskan minat belajar yang tinggi kepada murid-murid. Bagi sesetengah murid di sekolah ini, mereka lebih cenderung untuk belajar secara berkumpulan memandangkan mereka kurang menguasai kaedah pembelajaran secara kendiiri. Impaknya, murid yang lemah tidak belajar dan membuat ulang kaji. Oleh sebab rakan memberikan impak dan pengaruh yang besar kepada seseorang murid, maka sekolah melaksanakan program Guru Muda dan program Mercu Jaya yang merupakan serampang dua mata. Kedua-duanya merupakan program yang inklusif iaitu bukan sahaja bimbingan guru diberikan kepada murid, malah murid juga membimbangi rakan lain. Program Guru Muda ialah kelas bimbingan khusus guru-guru kepada murid yang berada dalam kelompok pengayaan manakala program Mercu Jaya merupakan kesinambungan program Guru Muda. Murid yang terpilih menjadi guru muda akan membimbangi rakan-rakan lain yang berada dalam kelompok pengukuhan dan kelompok pemulihan. Respons murid ternyata memberangsangkan apabila mereka selesa belajar bersama rakan. Program tersebut ternyata menyumbang kepada lonjakan keputusan SPM 2017.

**Kata Kunci:** belajar berkumpulan,program inklusif,kelompok pengukuhan dan pemulihan

**3 PENGURUSAN RELIEF YANG BERKESAN, CEPAT DAN SISTEMATIK**

Nur Zaitun Bt Ibrahim

Guru Besar

SK Chuping, Jalan Chuping, Mata Ayer, Perlis

**ABSTRAK**

Rata-rata sekolah akan menghadapi masalah ketidaaan guru di kelas kerana sebab rasmi mahupun sebab peribadi. Pengisian pengajaran dan pembelajaran murid harus diisi dari kawalan murid dan keselamatan harus diutamakan untuk mengelak sesuatu yang tidak diingini berlaku. Faktor yang dikaji adalah berkaitan pentadbiran kerana bergerak maju dan mundurnya sesebuah organisasi sekolah bermula daripada pentadbiran yang cekap dan sempurna. Dalam perkongsian ini, kami memberi penekanan kepada masalah ketidakhadiran guru ke sekolah, baik atas urusan rasmi ataupun urusan peribadi. Kami merancang bukan hanya masuk untuk relief tetapi guru lebih bersedia dan dapat merancang pdpc yang menarik walaupun hanya menggantikan rakan yang tiada. Maka dengan ini,tercetuslah idea pengurusan relief yang berkesan,cepat dan sistematis ini. Justerilah kami memilih kemahiran ict di dalam menangani masalah jadual ganti ini.

**Kata Kunci:** ketidakhadiran guru, pengurusan relief berkesan

# *Autografi*



